

**IMPLIKASI KEPADA MASYARAKAT BERDASARKAN
KERJA PEMULIHARAAN DI MASJID KAMPUNG
TUAN DALAM ASPEK PELANCONGAN DI KEMAMAN,
TERENGGANU.**

NURUL THASA NURAIN BT IZRA

C18A0371

UNIVERSITI

MALAYSIA

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

KELANTAN
2021

FTKWW



**IMPLIKASI KEPADA MASYARAKAT BERDASARKAN
KERJA PEMULIHARAAN DI MASJID KAMPUNG
TUAN DALAM ASPEK PELANCONGAN DI KEMAMAN,
TERENGGANU.**

**NURUL THASA NURAIN BT IZRA
C18A0371**

Laporan Projek Akhir Ini Dikemukakan Sebagai Syarat Dalam
Memenuhi Penganugerahan Ijazah Sarjana Muda Pengajian
Warisan Dengan Kepujian

**Fakulti Teknologi Kreatif Dan Warisan
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

2021

PERAKUAN STATUS TESIS

Saya dengan ini memperakukan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan oleh ijazah tinggi kepada mana-mana Universiti atau institusi.

TERBUKA

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh)

SEKATAN

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau dalam talian (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah.

SULIT

Dari tarikh _____ hingga _____

(Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)*

TERHAD

(Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)*

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut:

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Kelantan.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan tujuan pengajaran sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan teks ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajaran.

Tandatangan Utama

THASA

Tandatangan Penyelia

NURUL THASA NURAIN
BINTI IZRA

PUAN FARRAH ATIKAH BINTI SAARI

Tarikh:

Tarikh:

Nota*Sekiranya Tesis ini adalah SULIT atau TERHAD, sila kepilkan bersama surat daripada organisasi dengan menyatakan tempoh dan sebab-sebab kerahsiaan dan sekatan.

PENGAKUAN

Projek bertjuk “Implikasi Kepada Masyarakat Berdasarkan Kerja Pemuliharaan Di Masjid Kampung Tuan Dalam Aspek Pelancongan Di Kemaman, Terengganu” telah disediakan oleh (**Nurul Thasa Nurain Binti Izra**) dan telah diserahkan kepada Fakulti Teknologi Kreatif Dan Warisan (FTKW) sebagai memenuhi syarat untuk Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan Dengan Kepujian (**Konservasi Warisan**).

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

Diterima untuk diperiksa oleh:

(Puan Farrah Atikah Binti Saari)

Tarikh:

FTKW

PENGHARGAAN

Assalamualaikum dan salam sejahtera,

Syukur alhamdulillah dengan keberkatan yang dikurniakan oleh Allah S.W.T atas kesihatan yang diberikan, masa, dan akal fikiran yang baik untuk menyiapkan kajian ini.

Jutaan terima kasih diucapkan kepada penyelia projek penyelidikan saya iaitu Puan Farrah Atikah Binti Saari atas bantuan, nasihat, tunjuk ajar, dan sokongan yang telah diberikan sepanjang kajian ini dilaksanakan. Sepanjang kajian dijalankan, beliau selalu memberikan pandangan dan pembetulan bagi memastikan kajian dapat dijalankan dan dihasilkan dengan baik dan sempurna.

Di samping itu, saya juga ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada kedua-dua ibu bapa saya dan adik-beradik saya dalam memberi sokongan dan bantuan kepada saya yang tidak terhingga bagi memastikan kajian saya dapat disiapkan dengan sempurna. Dorongan yang diberikan oleh mereka dapat menguatkan semangat saya dalam melaksanakan kajian ini.

Seterusnya, penghargaan terima kasih juga diucapkan kepada rakan-rakan seperjuangan saya yang banyak membantu saya dari segi perkongsian idea, maklumat, dan tunjuk ajar yang diberikan sepanjang menjalankan kajian ini. Tidak lupa juga kepada pihak Universiti Malaysia Kelantan yang telah memberi peluang kepada saya untuk melaksanakan projek penyelidikan dan menjalankan kajian ini.

Semoga kajian yang dijalankan ini dapat membuka mata semua pihak untuk menjaga dan memulihara warisan dengan baik serta dapat menyampaikan kepada masyarakat tentang kepentingan warisan terhadap negara.

Implikasi Kepada Masyarakat Berdasarkan Kerja Pemuliharaan Di Masjid

Kampung Tuan Dalam Aspek Pelancongan Di Kemaman, Terengganu.

ABSTRAK

Projek Penyelidikan yang dijalankan ini adalah berkenaan “Implikasi Kepada Masyarakat Terhadap Kerja Pemuliharaan Di Masjid Kampung Tuan Dalam Aspek Pelancongan Di Kemaman, Terengganu.” Masjid Kampung Tuan merupakan sebuah masjid yang tertua yang mana ianya telah dibina oleh Syed Abdul Rahman Bin Abdul Samad pada tahun 1830 dan masjid ini mempunyai pelbagai keistimewaan dari segi seni bina dan fungsinya. Kerja-kerja pemuliharaan yang telah dijalankan di masjid ini pada tahun 2006 telah menarik minat pengkaji untuk menjadikan masjid ini sebagai projek penyelidikan yang mana pengkaji ingin mengkaji kesan kerja pemuliharaan pada masjid ini terhadap masyarakat sekitar. Objektif kajian bagi kajian ini ialah untuk mengetahui keistimewaan Masjid Kampung Tuan secara jelas terhadap masyarakat setempat. Selain itu, pengkaji juga ingin mengenalpasti tahap perkembangan pelancongan terhadap kerja konservasi di masjid ini serta menjelaskan impak kerja konservasi di Masjid Kampung Tuan kepada ekonomi masyarakat. Beberapa kaedah seperti temubual, borang soal selidik, dan analisis data telah digunakan bagi memudahkan kajian untuk dilaksanakan dan memastikan segala persoalan dan objektif kajian dapat dijawab. Kajian ini akan dapat memberi kesedaran kepada semua pihak bahawa khazanah warisan dapat memberi impak yang baik kepada semua pihak.

Kata kunci: *Khazanah warisan, Masjid Kampung Tuan, masyarakat, pelancongan, pemuliharaan.*

Implications Towards Community Based On Conservation Work At Masjid Kampung Tuan In Terms Of Tourism At Kemaman, Terengganu.

ABSTRACT

This research project is about “ Implications Towards Community Based On Conservation Work At Masjid Kampung Tuan In Terms Of Tourism At Kemaman, Terengganu”. Masjid Kampung Tuan one of the oldest mosque at Terengganu that was built by Syed Abdul Rahman Bin Abdul Samad in 1830 and this mosque has a lot of speciality in terms of their functions and architecture. The conservation work that has been working on this mosque on 2006 is one of the reason why researcher choose this mosque as a research project which is researcher want to make a research about the impact of conservation work to community. Objective for this research to know about speciality of Masjid Kampung Tuan in details to community. Beside that, the researcher want to know for sure about level of tourism development to this mosque and explain the impact of conservation work at Masjid Kampung Tuan to the community economy. Some methods has been using in this research like interviews, feedback form, and data analysis to facilitate the research to be carried out and to make sure all of those questions and objective can be answered clearly. This research can give awareness to all parties that heritage treasure can give good impact to all of the parties.

Keywords: *Community, conservation, heritage treasure, Masjid Kampung Tuan, tourism.*

ISI KANDUNGAN

KANDUNGAN	MUKA SURAT
PENGHARGAAN	i
ABSTRAK	ii
ABSTRACT	iii
ISI KANDUNGAN	iv
SENARAI JADUAL	vii
SENARAI RAJAH	vii
 BAB 1 PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	5
1.3 Pernyataan Masalah	11
1.4 Objektif Kajian	13
1.5 Persoalan Kajian	13
1.6 Kepentingan Kajian	14
1.7 Skop Kajian	17
1.8 Batasan Kajian	18
1.9 Penutup	19
 BAB 2 SOROTAN KAJIAN	
2.1 Pengenalan	21
2.2 Fungsi dan Peranan Masjid	22
2.3 Kepentingan Pemuliharaan Bangunan Warisan	23
2.4 Kepentingan Pemuliharaan Dalam Aspek Pelancongan	24

2.5 Kesan Pemuliharaan Dalam Aspek Ekonomi Masyarakat	24
2.6 Kerangka Teori	25
2.7 Penutup	26
BAB 3 METODOLOGI KAJIAN	
3.1 Pengenalan	27
3.2 Rekabentuk Kajian	28
3.3 Teknik Pengumpulan Data	32
3.4 Persampelan	34
3.5 Kaedah Analisis Data	34
3.6 Jangkaan Dapatan Kajian	36
3.7 Penutup	36
BAB 4 ANALISIS DATA	
4.1 Pengenalan	38
4.2 Keistimewaan dan Keunikan Masjid Kampung Tuan	38
4.3 Analisis Demografi	45
4.4 Tahap Perkembangan Industri Pelancongan Terhadap Kerja Pemuliharaan Masjid Kampung Tuan	49
4.5 Impak Kerja Konservasi Masjid Kampung Tuan Terhadap Ekonomi Masyarakat Sekitar	52
4.6 Kesimpulan	54
BAB 5 PERBINCANGAN, CADANGAN, DAN KESIMPULAN	
5.1 Pengenalan	56
5.2 Keistimewaan dan Keunikan Masjid Kampung Tuan	56
5.3 Impak Kerja Pemuliharaan Masjid Kampung Tuan Terhadap Industri Pelancongan	57
5.4 Impak Kerja Pemuliharaan Masjid Kampung Tuan Terhadap Ekonomi Masyarakat Sekitar	58

5.5 Cadangan	59
5.6 Kesimpulan	61
RUJUKAN	64
LAMPIRAN	68

UNIVERSITI
—
MALAYSIA
—
KELANTAN

SENARAI JADUAL

NO.		MUKA SURAT
3.2	Rekabentuk Kajian	28
3.5	Kaedah Analisis Data	34
4.3	Analisis Demografi	46

SENARAI RAJAH

NO.		MUKA SURAT
1.2	Latar Belakang Kajian	5
1.2	Latar Belakang Kajian	5
1.2	Latar Belakang Kajian	5
1.2	Latar Belakang Kajian	5
1.7	Skop Kajian	17
4.2	Keistimewaan Masjid Kampung Tuan	42
4.2	Keistimewaan Masjid Kampung Tuan	44
4.2	Keistimewaan Masjid Kampung Tuan	43
4.3	Analisis Demografi	46
4.3	Analisis Demografi	47
4.3	Analisis Demografi	48
4.3	Analisis Demografi	48

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Bangunan merupakan sebuah bangunan atau kumpulan bangunan yang dibina secara berasingan atau bersambung dan juga dibina di dalam sebuah landskap dan bangunan yang dibina mempunyai nilai sejagat yang menonjol dari pandangan sejarah, sains, dan seni (Akta Warisan Kebangsaan, 2005). Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, bangunan merupakan sesuatu yang dibangunkan. Bangunan merupakan sebuah binaan yang dibina oleh manusia dengan mengaplikasikan cara pembinaan dan bahan yang sesuai seperti batu-bata, kayu-kayan, simen serta pasir. Bangunan yang dibina mempunyai kegunaan atau fungsinya yang tersendiri yang mana fungsi utamanya adalah untuk berteduh. Selain itu, bangunan juga dibina bagi memudahkan apa jua kerja atau aktiviti dijalankan serta dapat dijadikan sebagai tempat penyimpanan barang. Begitu juga dengan bangunan warisan yang mana ia merupakan sebuah binaan yang mempunyai keunikan, nilai, dan sejarahnya tersendiri. Bangunan warisan dikategorikan sebagai warisan budaya ketara. Ia merupakan warisan yang ditinggalkan oleh pihak-pihak



yang tertentu kerana nilai sejarah yang terdapat pada bangunan tersebut perlu dikekalkan dan diwarisi oleh generasi seterusnya. Pelbagai inisiatif atau kaedah telah dijalankan seperti kerja-kerja konservasi ke atas bangunan warisan bagi memastikan bangunan ini dapat dipelihara dan dipulihara dengan baik. Selain itu, bangunan warisan ini juga merupakan sebahagian daripada khazanah warisan negara yang perlu dipulihara dan dipelihara dari masa ke semasa untuk tatapan generasi akan datang (Ab Wahab Lilawati, 2013).

Konservasi merupakan satu kerja atau aktiviti pemeliharaan dan pemuliharaan sesebuah objek yang mempunyai nilai sejarah dan warisannya yang tersendiri. Pemeliharaan atau penjagaan sesuatu secara tersusun bagi mengatasi kerosakan merupakan maksus konservasi yang terdapat dalam Kamus Dewan Edisi Keempat. Bagi konservasi bangunan pula, ianya merujuk kepada aktiviti pemuliharaan ke atas bangunan dan ianya merangkumi beberapa aktiviti seperti proses pemeliharaan, pemulihan, penyelenggaraan, rekontraksi, restorasi, dan penyesuaian guna atau mana-mana gabungan antaranya (Jabatan Warisan Negara, 2016). Menurut ICOMOS (Burra Charter Article 1.4, 1999), pemuliharaan merupakan proses memulihara sesuatu tempat supaya kepentingan kebudayaannya dapat dikekalkan. Dalam Akta Warisan Kebangsaan, 2005 (Akta 645), pemuliharaan termasuklah pemeliharaan, pembalikpulihan, pembinaan semula, pemulihan dan penyesuaian atau mana-mana gabungannya. Konservasi terbahagi kepada dua iaitu konservasi preventif dan kuratif. Konservasi preventif dijalankan untuk menghalang pelapukan semulajadi sesuatu objek yang berpunca akibat keadaan persekitaran manakala

konservasi kuratif pula merujuk kepada kerja untuk merawat objek yang mengalami proses deteriorasi (Jabatan Muzium Malaysia, 2014).

Di Malaysia, terdapat pelbagai bangunan warisan yang mempunyai warisan dan nilai sejarahnya yang tersendiri. Perkara ini dapat dibuktikan dengan jelas apabila wujudnya bangunan-bangunan warisan di setiap negeri di Malaysia termasuklah di negeri Terengganu. Seni bina bangunan tradisional Melayu Terengganu adalah sebahagian daripada khazanah seni bina Melayu Nusantara dan lambang bagi tamadun mereka. Kini, bangunan warisan di Terengganu masih kekal utuh disebabkan oleh terdapat sebahagian golongan pencinta seni bina tradisional dan pihak yang berkuasa ke atas bangunan warisan seperti pihak muzium dan pihak berkuasa warisan yang berusaha untukkekalkan bangunan-bangunan warisan yang menjadi identiti kepada masyarakat Terengganu (Mohd Yusuf Abdullah, 2012). Bangunan warisan terdiri dari pelbagai jenis seperti istana, rumah, muzium, masjid, dan surau. Antara bangunan warisan yang terdapat di Terengganu yang masih kekal ialah Istana Maziah, Muzium Terengganu, Kota Lama Duyong, Istana Tengku Long, dan Masjid Kampung Tuan.

Terengganu juga sebuah negeri yang terkenal dengan seni bina masjid tradisional. Kewujudan masjid di sesebuah tempat menunjukkan bahawa adanya penganut agama Islam (Abdul Halim Nasir Wan Hashim Wan Teh, 1997). Masjid merujuk kepada ‘Mezquita’ yang mana perkataan ini berasal dari Sepanyol yang bermaksud rumah ibadat bagi penganut yang beragama islam (Merriam Webster, 2008). Masjid juga bangunan Islam yang juga dikenali sebagai ‘rumah Allah’. Masjid merupakan satu binaan yang mempunyai pelbagai peranan terhadap orang Islam. Selain berfungsi sebagai

tempat ibadat, ia juga berfungsi sebagai tempat untuk berdakwah dan untuk menjalankan pelbagai aktiviti yang berkaitan dengan masyarakat Islam (Abdul Halim Nasir dan Wan Hashim Wan Teh, 1997). Masjid merupakan sebuah binaan yang telah dibina sejak zaman dahulu kala lagi. Masjid lama tradisional merupakan masjid yang mempunyai nilai warisan dan sejarahnya yang tersendiri. Hal ini dapat dilihat melalui senibina atau reka bentuk sesebuah masjid tersebut.

Oleh hal yang demikian, masjid juga merupakan salah satu bangunan yang perlu dipelihara dan dipulihara dengan menjalankan kerja-kerja konservasi ke atas masjid tersebut agar warisan dan sejarahnya dapat dikekalkan dalam jangka masa yang lama. Kerja-kerja konservasi dijalankan mengikut kaedah dan langkah yang telah ditetapkan agar keaslian yang terdapat pada masjid tidak hilang (Suhana Johar, 2012). Perkara ini dapat disimpulkan bahawa kerja konservasi merupakan satu kerja yang penting bagi memastikan sesebuah warisan termasuklah masjid dapat dijaga dengan baik dan dikekalkan dalam masa yang lama. Masjid yang dipelihara dan dipulihara dapat mendatangkan pelbagai kepentingan dan manfaat kepada masyarakat sekeliling dan generasi akan datang.

1.2 Latar Belakang Kajian

Fokus kajian ini adalah mengenai implikasi terhadap aktiviti pemuliharaan yang dijalankan ke atas Masjid Kampung Tuan yang terletak di Chukai, Kemaman, Terengganu terhadap masyarakat sekitar. Fokus utama kajian ini adalah untuk mengenalpasti dan mengkaji kesan pemeliharaan Masjid Kampung Tuan terhadap masyarakat sekitar. Masjid Kampung Tuan merupakan sebuah masjid yang sudah dipulihara oleh pihak Jabatan Warisan Negara pada tahun 2006. Setelah pada itu, masjid ini telah didaftarkan sebagai warisan di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645) pada tahun 2008. Sejarah dan nilai warisan yang terdapat pada masjid ini telah menjadikan masjid ini sebagai sebuah bangunan yang perlu dipulihara.

Berkenaan dengan sejarah Masjid Kampung Tuan ini, ianya telah dibina sekitar tahun 1830 dan ianya merupakan masjid tertua di Terengganu yang sudah berusia 191 tahun. Masjid ini telah dibina oleh seorang sheikh ulama' atau guru agama yang datang dari Pattani iaitu Syed Abdul Rahman bin Abdul Samad. Guru agama ini telah tiba di Terengganu akibat daripada tekanan dan ancaman peperangan dengan Siam. Seterusnya, masjid ini telah diimarahkan oleh anak kepada Syed Abdul Rahman iaitu Syed Abdul Samad yang turut dikenali sebagai Tuan Wok atau Tuan Senik (Siti Airunnisa Alaui, 2009). Hal ini menyebabkan masjid ini juga dikenali sebagai Masjid Tuan Wok oleh penduduk setempat. Masjid ini juga dikatakan sebagai masjid kembar kepada Masjid Kampung Lama Berserah yang terletak di Kuantan, Pahang. Tuan Wok juga merupakan guru agama yang berulang-alik dari Chukai ke Berserah bersama dengan pengikut-pengikutnya. Dalam perjalanan ke Beserah, banyak kejadian yang telah meragut nyawa para

pengikut Tuan Wok. Namun, sebahagian daripada mereka tidak berputus asa untuk meneruskan perjuangan untuk menyampaikan ilmu bersama Tuan Wok. Mengenai masalah ini, para pengikutnya hanya berserah kepada Allah atas takdir mereka. Hal ini menyebabkan kampung yang menjadi tujuan mereka dinamakan sebagai Kampung Beserah. Masjid ini juga pernah menjadi tempat persinggahan Munsyi Abdullah ketika perjalannya ke Terengganu.

Terdapat beberapa mitos berkenaan dengan Syed Abdul Samad ketika beliau meninggal dunia di Kampung Tuan. Antaranya ialah, semasa menguruskan jenazahnya di masjid ini, orang yang menguruskan jenazahnya mengatakan bahawa ketika jenazahnya dimadikan, air mandian tidak jatuh ke bawah masjid. Setelah pada itu, jenazahnya telah dimakamkan di Masjid Kampung Beserah. Jenazah beliau telah dibawa ke Beserah dengan menggunakan perahu mengikut anak sungai Limbong yang berhampiran dengan masjid ini dan ke mukim Kuala Kemaman seterusnya terus dibawa ke Beserah. Menurut Syed Alwi, semasa urusan penghantaran jenazah Syed Abdul Samad, kawasan itu sedang mengalami musim tengkujuh dan terdapatnya mitos yang menyatakan bahawa semasa menguruskan jenazah pergi dan balik melalui jalan laut, ombak tidak bergelombang seperti biasa. Makamnya juga yang terletak di Beserah telah dijaga baik oleh pihak Masjid Kampung Beserah dan nama yang terdapat pada makamnya juga ditukarkan kepada nama Tuan Senik.

Seni bina masjid ini juga sangat menarik dan unik yang mana masjid ini merupakan salah satu masjid yang menggunakan kayu cengal sebagai bahan binaan. Menurut salah seorang pewaris bagi keturunan Tuan Wok iaitu Syed Alwi bin Syed Hamzah, masjid yang berukuran 9.14 meter x 9.14 meter

ini telah dibina dengan menggunakan bahan binaan dari Yaman dan Palembang. Bahan binaan ini dibawa masuk dengan menggunakan kapal termasuklah buah butung yang berasal dari Palembang. Di masjid ini terdapat satu telaga yang mana usia telaga ini sama dengan usia pembinaan Masjid Kampung Tuan. Selain itu, masjid ini tidak mempunyai tiang seri dan menyebabkan ruang dalam masjid kelihatan lebih luas berbanding dengan masjid yang lain. Masjid ini juga tidak mempunyai serambi. Masjid Kampung Tuan ini juga merupakan masjid yang menggunakan konsep pasak dalam binaannya. Ini bermaksud masjid ini tidak menggunakan sebarang paku dan menggunakan sebanyak 12 tiang (Kirtigha, 2019). Gaya atap masjid ini pula ialah atap singgora yang diperbuat daripada tanah liat. Menurut salah seorang penduduk kampung yang tinggal berdekatan dengan masjid tersebut, puncak bumbung masjid ini terdapat buah butung yang diperbuat daripada tembaga. Pada asalnya, buah butung ini ingin diletakkan di Masjid Keresek yang terletak di selatan Thailand namun pembinaan masjid tersebut tergendala dan buah butung tersebut dibawa ke Kemaman untuk diletakkan di Masjid Kampung Tuan. Terdapat satu lagenda mengenai buah butung ini. Tuan Wok pernah menyatakan bahawa sekiranya buah butung ini jatuh dan pecah maka hari kiamat akan tiba. Tingkap Masjid Kampung Tuan ini pula berbeza dengan masjid lain yang mana tingkap masjid ini bersaiz kecil dan tidak berdaun. Tingkap masjid ini dibina sebanyak 16 buah dan ukurannya lebih kurang 60 sentimeter untuk memastikan udara dapat memasuki ke dalam masjid ini.



Rajah 1.1 : Pandangan hadapan Masjid Kampung Tuan.

(Sumber: Kajian lapangan). (24 Mei 2021).



Rajah 1.2: Pandangan sisi Masjid Kampung Tuan.

(Sumber: Kajian lapangan). (24 Mei 2021).



Rajah 1.3: Tingkap Masjid Kampung Tuan.

(Sumber: Kajian lapangan). (24 Mei 2021).



Rajah 1.4: Kerja konservasi dari Jabatan Warisan Negara.

(Sumber: Kajian lapangan). (24 Mei 2021).

Pada zaman dahulu iaitu di awal pembinaannya, masjid ini telah digunakan sebagai pusat perkembangan sufi yang sangat terkenal di Alam Melayu. Masjid ini juga pernah digunakan sebagai tempat untuk solat jumaat

dan turut digunakan oleh para ulama Terengganu dan Nusantara (Jejak Warisan Daerah Kemaman). Kini, masjid ini masih digunakan oleh penduduk kampung untuk menunaikan solat jemaah dan solat terawih. Namun, solat jumaat sudah tidak dijalankan di masjid ini. Masjid ini telah diperbesarkan akibat pertambahan penduduk. Pada tahun 2006, masjid ini mengalami sedikit perubahan akibat dari kerja pemuliharaan yang dijalankan oleh pihak JWN dan dibantu oleh Ahli Jawatankuasa Masjid Kampung Tuan bagi memastikan keaslian masjid ini dapat dikekalkan. Antara bahagian masjid yang sudah dipulihara ialah bahagian bumbung yang rosak akibat bocor dan masjid ini sudah dicat baru akibat berlakunya pemudaran warna. Selain itu, terdapat beberapa kemudahan yang diwujudkan di masjid ini. Antaranya ialah, terdapatnya serambi dan tempat untuk berkumpul atau bermesyuarat mengenai perkara yang berkaitan dengan hal agama. Tandas, kolah, dan tempat mengambil wuduk juga dibina bagi memudahkan lagi para jemaah masjid untuk mengambil wudhu' dan sebagainya. Masjid Kampung Tuan ini masih dijaga dengan baik oleh para penduduk kampung kerana masjid ini merupakan salah satu binaan yang sarat dengan sejarah dan warisannya.

1.3 Pernyataan Masalah

Pernyataan masalah merupakan satu perkara penting sebelum kajian dijalankan. Bahagian ini akan menerangkan berkenaan dengan isu dan masalah yang ingin dikaji dan diketengahkan oleh pengkaji. Isu kajian ini menjadi satu fokus atau faktor utama dalam sesebuah kajian. Selain itu, pernyataan masalah juga dapat membantu pengkaji untuk menyelesaikan isu yang difokuskan. Pernyataan masalah diperolehi melalui pemerhatian yang dijalankan, pembacaan melalui kajian lepas yang berkaitan dengan objektif kajian ini seperti artikel, jurnal atau buku, dan temubual dari pihak yang berkenaan.

Antara isu dalam kajian ini adalah pengetahuan masyarakat terhadap keistimewaan yang terdapat pada bangunan warisan. Dalam pemuliharaan bangunan warisan, masyarakat merupakan antara golongan yang penting dalam memastikan bangunan warisan dapat dikekalkan dalam jangka masa yang lama. Masyarakat perlu mempunyai pengetahuan tentang keistimewaan sesebuah banguan warisan. Menurut Wang (2007) dan Shuhana (2005) menyatakan bahawa masyarakat kini lebih mementingkan permodenan urbanisasi kerana ianya merupakan satu pengukur kejayaan dalam membangunkan sesebuah ekonomi. Oleh itu, perkara ini secara tidak langsung telah menyebabkan sumber warisan seperti bangunan warisan tidak dibangunkan dan tiada usaha dalam pengekalan warisan. Selepas sesebuah bangunan warisan dipulihara dan digunakan, pemilik, pentadbir kawasan, serta pengunjung adalah golongan yang akan menentukan tahap penjagaan dan pemeliharaan bangunan tersebut (Mohd Isa, 2011). Isu ini dapat dilihat dalam kajian ini yang mana masih ramai masyarakat yang tidak mengetahui

tentang keistimewaan Masjid Kampung Tuan ini dan menyebabkan masyarakat tidak mempunyai minat untuk mengambil tahu tentang kerja pemuliharaan di Masjid Kampung Tuan ini.

Isu yang seterusnya adalah berkenaan dengan aktiviti ekonomi di kawasan warisan. Bangunan warisan perlu dijadikan sebagai satu objek yang mampu memenuhi aktiviti sosioekonomi dan permintaan pengunjung (Wilts, 2007). Menurut beliau juga, sekiranya matlamat ini tidak tercapai, kemungkinan bangunan warisan akan dirobohkan untuk memberi ruang kepada pembangunan baru yang mampu memberi potensi kepada masyarakat sekitar. Oleh hal yang demikian, sesbuah bangunan warisan perlu dihidupkan agar ianya tidak dirobohkan atau dirosakkan oleh mana-mana pihak. Permasalahan kajian ini dapat dikaitkan dengan kajian yang dijalankan ke atas Masjid Kampung Tuan ini yang mana masjid ini hanya dijadikan sebagai tempat ibadah umat Islam sedangkan ia merupakan salah sebuah bangunan warisan yang mampu untuk dijadikan sebagai tempat pelancongan.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

1.4 Objektif Kajian

Objektif kajian merupakan kenyataan yang menerangkan tentang matlamat kajian yang hendak dicapai (Kamarul Shukri, 2015). selain itu, objektif kajian juga merupakan kesinambungan kepada masalah kajian yang terdapat dalam pernyataan masalah (Fariza Khalid). Antara objektif kajian bagi kajian ini ialah:

- i. Mengetahui sejarah dan keistimewaan Masjid Kampung Tuan secara jelas kepada masyarakat setempat.
- ii. Mengenalpasti tahap perkembangan pelancongan selepas pemuliharaan di Masjid Kampung Tuan.
- iii. Menjelaskan impak konservasi di Masjid Kampung Tuan dari aspek ekonomi masyarakat.

1.5 Persoalan Kajian

Persoalan kajian pula merupakan satu masalah kajian yang dikemukakan dalam bentuk soalan untuk fokus penyelidikan (Fariza Khalid).

Berikut merupakan persoalan kajian yang terdapat dalam kajian ini:

- i. Apakah sejarah dan keistimewaan Masjid Kampung Tuan ini dalam kalangan masyarakat sekitar?
- ii. Bagaimanakah industri pelancongan dapat dikembangkan setelah kerja konservasi dijalankan ke atas Masjid Kampung Tuan ini?
- iii. Apakah impak kerja konservasi di Masjid Kampung Tuan kepada ekonomi masyarakat sekitar?

1.6 Kepentingan Kajian

Kajian yang dijalankan perlulah mempunyai kepentingan dan memberi manfaat kepada semua pihak. Bukan itu sahaja, kajian yang dihasilkan pada akhirnya dapat mendatangkan faedah dan mendedahkan maklumat yang berkaitan kepada pembaca. Selain itu, kepentingan kajian ini juga dapat membantu sesetengah pihak untuk menyelesaikan masalah yang berkaitan dengan kajian. Kajian yang dijalankan terhadap Masjid Kampung Tuan ini dapat memberi manfaat kepada semua pihak terutamanya pihak yang berkenaan.

1.6.1 Individu

Kajian yang dijalankan ini dapat memberi manfaat kepada masyarakat. Bangunan warisan merupakan sebuah warisan yang perlu dipulihara dan ia juga merupakan salah satu tanggungjawab yang perlu dititikberatkan oleh individu. Hal ini kerana, elemen estetik dan rekabentuk yang terdapat pada bangunan warisan perlu dijaga dan dipulihara (Kamarul Syahril, A.Ghafar, dan Lilawati Ab. Wahab, 2017). Secara keseluruhannya, kajian yang dijalankan ini dapat membantu sesetengah individu untuk mengetahui tentang sejarah dan latar belakang mengenai Masjid Kampung Tuan ini. Hal ini dapat dibuktikan oleh pengkaji sendiri yang mana pada awalnya pengkaji tidak mengetahui tentang kewujudan masjid ini. Namun, kajian yang dijalankan ini secara tidak langsung dapat memberi satu pengetahuan kepada pengkaji bahawa terdapatnya bangunan warisan di kawasan yang berdekatan dengan pengkaji. Masjid Kampung Tuan merupakan masjid yang terletak berdekatan dengan tempat tinggal pengkaji iaitu di Chukai, Kemaman,

Terengganu. Oleh hal yang demikian, kajian yang dijalankan ini dapat membantu pengkaji untuk mengetahui lebih lanjut berkenaan dengan masjid ini yang merupakan salah satu masjid warisan di Terengganu.

1.6.2 Masyarakat

Melalui kajian yang dijalankan ini, masyarakat dapat memperolehi pengajaran mengenai masjid ini. Masjid ini juga seperti bangunan warisan lain yang mana ia juga mempunyai sejarahnya yang tersendiri. Oleh itu, masyarakat dapat mengetahui serba sedikit tentang sejarah Masjid Kampung Tuan ini melalui kajian yang dijalankan oleh pengkaji (Universiti Putra Malaysia, 2021). Kerja pemuliharaan yang dijalankan terhadap masjid ini dapat membuka mata masyarakat bahawa betapa pentingnya sesebuah bangunan untuk dipulihara terutamanya bangunan yang mempunyai nilai warisan dan sejarah. Selain itu, dari segi ekonomi pula, ia dapat membantu masyarakat meningkatkan ekonomi terutamanya dalam industri pelancongan.

1.6.3 Pendidikan

Kepentingan kajian yang dijalankan ini dapat membantu masyarakat terutamanya para pelajar untuk menjalankan kajian dengan mudah sekiranya kajian yang dijalankan berkaitan dengan isu atau objektif kajian ini (Ahmad, Keromo, dan Muda 2006). Maklumat yang disampaikan dalam penulisan ini dapat membantu para pengkaji memperolehi maklumat sama ada berkaitan dengan kesan kerja pemuliharaan atau sejarah Masjid Kampung Tuan ini.

1.6.4 Jabatan Warisan Negara

Jabatan Warisan Negara merupakan salah sebuah jabatan yang bertanggungjawab dalam memulihara bangunan warisan. Masjid Kampung Tuan ini sudah dipulihara oleh pihak Jabatan Warisan Negara (JWN) pada tahun 2006. Oleh itu, kajian yang dijalankan ini dapat membantu Masjid Kampung Tuan ini dapat dikekalkan dengan adanya perancangan yang teliti yang dijalankan oleh pihak jabatan dalam mewartakan masjid ini dan seterusnya dapat mengelakkan daripada berlakunya kerja pencerobohan dan pengabaian (Adam, Keromo, dan Muda, 2006). Selain itu, perkara ini dapat membantu pihak jabatan untuk mengumpul lebih banyak khazanah warisan yang terdapat di negara ini. Ianya juga dapat membantu pihak JWN untuk membuktikan bahawa Malaysia merupakan sebuah negara yang kaya dengan warisan sama ada warisan ketara dan tidak ketara.


1.6.5 Industri Pelancongan

Kajian yang dijalankan ini dapat memberi kepentingan dalam industri pelancongan. Hal ini kerana, bukan sahaja warisan dan sejarah sesebuah bangunan yang menjadi faktor untuk menarik pelancong namun keunikan seni bina pada sesebuah bangunan juga merupakan antara faktor industri pelancongan dapat diajalankan (Ahmad, Keromo, dan Muda, 2006). Industri pelancongan yang diajlankan ini dapat membantu meningkatkan ekonomi negara (Siti Nor Fatimah, 2014). Dapat dikaitkan dengan kajian ini yang mana kajian yang dijalankan ke atas Masjid Kampung Tuan ini dapat meningkatkan lagi industri pelancongan. Keunikan rekabentuk yang terdapat pada masjid ini dapat

menarik minat pelancong. Selain itu, kajian ini dapat memberi maklumat yang berguna kepada pelancong kerana Masjid Kampung Tuan ini mempunyai sejarah dan latar belakang yang tersendiri (Mohamad Sohaimi Man, 2017).

1.7 Skop Kajian

Skop kajian merupakan satu kajian yang dijalankan bagi memastikan pengkaji dapat mengehadkan kawasan yang ingin dikaji. Kajian yang dijalankan ini adalah untuk mengkaji impak daripada kerja pemuliharaan yang dilakukan ke atas Masjid Kampung Tuan ini. Oleh hal yang demikian, kajian akan difokuskan kepada waris pemilik masjid ini dan masyarakat yang tinggal berdekatan dengan kawasan sekitar masjid tersebut.



Peta 1: Lokasi Masjid Kampung Tuan, Kampung Gong Limau, Chukai, Kemaman, Terengganu.

(Sumber: <https://maps.app.goo.gl/vpjgvtARFs1CAyFw7>) (22 Mei 2021).

Kajian akan dijalankan berdasarkan objektif kajian. Pengkaji akan mengkaji fungsi Masjid Kampung Tuan kepada masyarakat sekitar. Secara umumnya, masjid merupakan tempat orang Islam menunaikan solat. Namun, masih terdapat beberapa persoalan mengenai fungsi masjid ini kepada masyarakat sekitar selain tempat untuk menunaikan solat.

Seterusnya, pengkaji juga akan mengkaji berkenaan dengan perkembangan atau potensi aktiviti pelancongan setelah Masjid Kampung Tuan ini dipulihara. Secara keseluruhannya, pemuliharaan sesebuah bangunan akan mendatangkan kesan positif terhadap industri pelancongan. Oleh itu, pengkaji ingin memastikan bahawa industri pelancongan di kawasan sekitar masjid ini juga berkembang dengan maju.

Akhir sekali, kajian yang dijalankan ini juga berkenaan dengan kesan ekonomi masyarakat setempat terhadap aktiviti pemuliharaan masjid ini. Sekiranya Masjid Kampung Tuan ini memberi kesan yang baik kepada industri pelancongan, secara tidak langsung ia juga akan memberi impak dalam ekonomi tertutamanya ekonomi masyarakat setempat.

1.8 Batasan Kajian

Dalam menjalankan kajian ini, pengkaji mendapat terdapat beberapa masalah dalam menjalankan kajian ini. Kajian yang dijalankan mengenai implikasi kerja pemuliharaan Masjid Kampung Tuan terhadap masyarakat setempat. Oleh itu, terdapat beberapa batasan dalam menjalankan kajian ini.

Antaranya ialah kesahihan maklumat tentang sejarah Masjid Kampung Tuan ini. Melalui pembacaan dari artikel dan buku, ada yang menyatakan bahawa masjid ini dibina pada tahun 1830 dan ada sesetengah yang

menyatakan bahawa masjid ini dibina pada tahun 1786. Hal ini telah menyebabkan pengkaji keliru dengan fakta mengenai tarikh kewujudan masjid ini.

Masjid Kampung Tuan merupakan salah sebuah bangunan warisan yang terdapat di Chukai, Kemaman, Terengganu. Oleh itu, masjid ini sepatutnya dikenali ramai terutamanya masyarakat yang tinggal di daerah tersebut. Namun, masih terdapat segelintir masyarakat yang tidak mengetahui akan kewujudan khazanah warisan ini. Kedudukan masjid yang berada di dalam kawasan kampung menyukarkan pengkaji untuk mencari lokasi masjid ini.

1.9 Penutup

Dapat disimpulkan bahawa kajian ini sangat memfokuskan tentang kesan pemuliharaan Masjid Kampung Tuan terhadap masyarakat sekitar. Sejarah, latar belakang, dan fungsi masjid ini merupakan aset penting dalam memastikan Masjid Kampung Tuan ini dapat dikekalkan. Hal ini jelas menunjukkan bahawa kerja pemuliharaan dapat mendatangkan manfaat kepada masyarakat sekitar terutamanya dari aspek ekonomi dan pelancongan yang mana kesenian bangunan dan kepelbagaiannya budaya tempatan dapat menggalakkan pelancong untuk datang ke sini (Repellin, 1990). Selain itu, kerja pemuliharaan yang dijalankan ini juga dapat membuka mata masyarakat secara tidak langsung mengenai kerja pemuliharaan yang dijalankan.

Selain itu, melalui kajian ini juga pengkaji dapat mengetahui bahawa masjid ini perlu dipelihara walaupun kerja pemuliharaan telah diajalankan ke atas masjid ini. Pemeliharaan bukan sahaja perlu dijalankan oleh pihak yang

berkuasa seperti pihak JWN atau pihak muzium, namun, penduduk setempat juga perlu bekerjasama dalam menjalankan aktiviti pemeliharaan terhadap masjid ini bagi memastikan keaslian dan nilai warisan yang terdapat pada masjid ini kekal utuh agar dapat menjadi tatapan untuk generasi akan datang (Suhana Johar, 2012).

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

BAB 2

SOROTAN KAJIAN

2.1 Pengenalan

Bab ini akan menjelaskan berkenaan dengan sorotan kajian yang dijalankan oleh pengkaji. Sorotan kajian merupakan sebuah kajian lepas yang menjadi panduan atau rujukan kepada pengkaji berkenaan dengan metodologi dan teori yang akan digunakan di dalam kajian. Pengkaji juga akan membuat perbandingan antara kajian yang akan dikaji dan kajian-kajian lepas. Kajian-kajian lepas ini diperolehi daripada pelbagai sumber seperti artikel, jurnal, tesis, dan sumber-sumber yang berkaitan dengan kajian yang ingin dikaji (Kamarul Shukri Mat Teh, 2015). Sumber yang dirujuk perlulah mempunyai kaitan dengan isu atau objektif yang ingin dikaji oleh pengkaji.

Sorotan kajian merupakan rujukan secara kritikal dan sistematik berkenaan dengan maklumat yang ingin dikaji. Pengkaji perlu menghurai, meringkas, menganalisis, menilai, mensintesis, dan menjelaskan kajian yang diperolehi sama ada dalam bentuk artikel, jurnal atau tesis (Bryman & Bell 2003; Creswell 2005). Sorotan kajian dijalankan bagi membantu pengkaji untuk mendapatkan teori dalam menjalankan kajian. Selain itu, sorotan kajian ini juga dapat menjelaskan tentang status kajian yang telah dijalankan oleh pengkaji lepas sama ada kajian tersebut sudah banyak dijalankan atau tidak.

Pengkaji juga dapat sedikit sebanyak idea dari melalui kajian yang telah dijalankan oleh pengkaji lepas (Kamarul Shukri Mat Teh, 2015).

Pengkaji telah memilih kajian mengenai impak pemeliharaan di Masjid Kampung Tuan terhadap masyarakat sekitar. Oleh itu, kajian akan difokuskan kepada kesan ekonomi dan pelancongan melalui kerja pemeliharaan atau kerja konservasi masjid terhadap masyarakat yang tinggal berdekatan dengan kawasan berkenaan. Berdasarkan kajian lepas, pengkaji mendapati terdapat sebahagian dari pengkaji lepas yang turut menjalankan kajian berkenaan dengan impak pemeliharaan yang telah mendarangkan perubahan kepada aktiviti sosial masyarakat terutamanya dari segi pelancongan.

2.2 Fungsi Dan Peranan Masjid

Masjid merupakan sebuah binaan yang dibina sejak Rasulullah (S.A.W) berhijrah ke Madinah. Masjid pertama yang telah dibina oleh Rasulullah (S.A.W) ialah Masjid Quba' dan masjid kedua iaitu Masjid Nabawi. Untuk Masjid Nabawi, struktur binaannya lebih luas dan terdapat banyak ruang seperti dewan sembahyang, ruang perbincangan, ruang persinggahan musafir, dan ahli sufi.

Masjid mempunyai pelbagai fungsi yang mana Rasulullah (S.A.W) telah mendirikan masjid bukan sekadar untuk dijadikan sebagai tempat menunaikan solat namun ia juga berfungsi sebagai tempat perbincangan antara umat Islam, tempat untuk mendamaikan perbalahan dalam kalangan masyarakat, tempat untuk mempelajari ilmu agama Islam, tempat pengadilan atau mahkamah, tempat untuk mengatur strategi peperangan serta tempat untuk merawat perajurit yang mengalami kecederaan dalam peperangan (Basri dan Fairuzah, 2002).

Menurut dua orang ahli akademik iaitu Mohd. Tajuddin (1998) dan Sidi Gazalba (1976) dalam buku Rekabentuk Masjid Warisan Melayu, telah merumuskan bahawa masjid merupakan pusat pembangunan masyarakat dan pusat kebudayaan Islam. Seterusnya, Abdul Halim Nasir dan Wan Hashim Wan Teh (1997) juga telah menerangkan serba sedikit tentang peranan masjid dalam buku Warisan Seni Bina Melayu yang mana pada hakikatnya masjid yang mempunyai pelbagai fungsi telah menjadi sebuah institusi yang amat penting kepada masyarakat Islam.

2.3 Kepentingan Pemuliharaan Bangunan Warisan

Pemuliharaan merupakan satu perkara penting dalam aspek penilaian sejarah dan aspek penonjolan terhadap kemajuan tamadun. Selain itu, pemuliharaan juga penting untuk meningkatkan taraf warisan budaya bangsa dan meningkatkan proses kemajuan untuk sesebuah negara. Pemuliharaan dan pemeliharaan yang dijalankan juga dapat mengekalkan identiti bangsa dan mewujudkan semangat nasionalisme dalam kalangan rakyat Malaysia (Zulhilmi Paidi, Rohani Abdul Gahni, Ahmad Shukri Abdul Hamid, Suhanim Abdullah, dan Mohamad Khadafi Haji Rofie, 2014). Kerja pemuliharaan dapat menegalkan dan memperkuuhkan nilai warisan dan nilai sejarah yang terdapat pada sesebuah bangunan. Secara tidak langsung, kerja pemuliharaan dapat menjadi rujukan kepada para pengkaji, pendidikan dan kenangan kepada masyarakat dan generasi akan datang (JWN, 2016).

2.4 Kepentingan Pemuliharaan Dalam Aspek Pelancongan

Pelancongan merupakan salah satu aktiviti ekonomi yang dan sosial yang penting dalam sesebuah negara. Jumlah pelancong semakin meningkat

dalam negeri dan antarabangsa dan hal ini juga menyebabkan terdapat beberapa buah negara yang menjadikan sektor pelancongan sebagai sektor utama dalam menjana pendapatan negara (Inskeep, 1996). Salah Wahab dan Cooper (2003), pernah menyatakan bahawa pelancongan merupakan sektor yang penting yang mana iaanya memerlukan peranan dan kerjasama dari pihak kerajaan, bukan kerajaan, dan orang awam. Kekayaan khazanah warisan yang terdapat di sesebuah kawasan dapat menyumbang kemajuan dalam sektor pelancongan (Yazid bin Salleh, 2008).

2.5 Kesan Pemuliharaan Dalam Aspek Ekonomi Masyarakat

Warisan merupakan satu khazanah negara yang perlu dikenalkan keran ianya dapat menjadi sumber dalam meningkatkan ekonomi masyarakat. Kewujudan warisan di sesebuah kawasan dapat membantu masyarakat untuk menjalankan aktiviti perniagaan dengan menghasilkan kraftangan dan sebagainya. JWN menyatakan bahawa warisan merupakan aset penting negara untuk pulangan ekonomi melalui industri pelancongan, rujukan R&D dan martabat negara di mata dunia. Warisan akan dikongsi dengan warga dunia sebagai warisan dunia seperti mana pengiktaran dalam Senarai Warisan Dunia UNESCO.


2.6 Kerangka Teori

Kerangka teori merupakan satu kaedah untuk menghubung kaitkan kajian yang ingin dikaji dan teori yang diperolehi dari mana-mana sumber.

2.6.1 Teori Model Dalam Penglibatan Komuniti

Teori ini menerangkan berkaitan dengan kerjasama antara komuniti dalam meguruskan dan memulihara sebuah warisan yang perlu dijaga (Solihah Mustafa, Mazdi Marzuki, Ruzanna Syamimi Ramli, Jabil Mapjabil, Mohammad Kadir Zainal Abidin, Mohamad Pirdaud Yusoh, 2015). Oleh itu, pengkaji menggunakan teori ini untuk dikaitkan dengan hubungkait antara komuniti dan Masjid Kampung Tuan. Masjid Kampung Tuan ini merupakan sebuah masjid yang terletak di kawasan kampung yang mana masjid ini dikelilingi oleh rumah penduduk kampung dan masjid ini sering digunakan oleh penduduk kampung untuk menunaikan solat atau mengadakan perbincangan atau mesyuarat yang berkaitan.

Oleh hal yang demikian, kerjasama antara masyarakat atau penduduk kampung tersebut dalam memulihara dan memelihara Masjid Kampung Tuan ini dapat memastikan masjid ini dapat dijaga dan dikekalkan dalam jangka masa yang panjang. Teori ini dapat dikaitkan dengan objektif nombor tiga iaitu menjelaskan impak konseravsi di Masjid Kampung Tuan dari aspek ekonomi masyarakat. Selain itu, penggunaan teori dalam kajian ini dapat membantu pengkaji untuk menerangkan kesan ekonomi terhadap komuniti dalam memulihara Masjid Kampung Tuan ini. Pemuliharaan yang dijalankan terhadap masjid ini dapat membantu komuniti sekitar dalam menaik tarafkan ekonomi mereka.



Sumber: David (1992)

2.7 Penutup

Kesimpulannya, sorotan kajian merupakan perkara yang penting dalam menjalankan sesebuah kajian supaya pengkaji dapat membuat perbandingan antara kajian yang ingin dikaji dan kajian-kajian lepas. Selain itu, kajian lepas dan teori yang berkaitan dengan kajian juga dapat membantu serba sedikit para pengkaji dalam menjalankan kajian. Melalui pembacaan kajian-kajian lepas, pengkaji dapat mengetahui dengan lebih terperinci berkenaan dengan kajian yang ingin dikaji dan dapat membantu para pengkaji untuk mengembangkan lagi idea berkenaan dengan kajian yang dijalankan. Hal ini dapat dijelaskan bahawa, dengan adanya kajian lepas, ia dapat menjawab serba sedikit objektif kajian berkenaan dengan implikasi kepada masyarakat berdasarkan kerja pemuliharaan di Masjid Kampung Tuan di Kemaman, Terengganu.

BAB 3

METODOLOGI

3.1 Pengenalan

Metodologi kajian adalah satu pendekatan yang digunakan oleh pengkaji untuk menjawab segala matlamat dan isu kajian. Menurut The American Heritage Dictionary of English Language, metodologi merupakan analisis teoritis berkenaan dengan kaedah yang sesuai dalam bidang pengajian atau kandungan kaedah serta prinsip tertentu terhadap cabang pengetahuan. Kamus Bahasa Inggeris Collins juga ada menyatakan maksud metodologi yang mana ia merupakan sistem kaedah dan prinsip yang digunakan untuk disiplin tertentu.

Shuhairy Norhisham (2019), menyatakan bahawa metodologi penyelidikan atau juga dikenali sebagai satu teknik yang khusus yang mana ianya digunakan dalam proses penyelidikan bagi mengumpul, mengorganisasi serta menilai data. Metodologi juga memberi maksud alat yang digunakan bagi mengumpul maklumat dalam sesebuah kajian. Temu bual dan soal selidik merupakan antara bahan penyelidikan yang sering digunakan. Metodologi penyelidikan digunakan dalam sesebuah kajian untuk mengenal pasti aktiviti penyelidikan dan menentukan konsep sebenar kajian. Penentuan jenis kaedah

untuk digunakan dalam kajian juga merupakan salah satu faktor metodologi kajian diterapkan di dalam sesebuah kajian.

3.2 Rekabentuk Kajian

Rekabentuk kajian merupakan satu cara untuk menentukan kaedah yang perlu ada dalam kajian. Kaedah yang akan digunakan lebih memfokuskan kepada pengumpulan data, analisis serta penulisan. Melalui rekabentuk kajian ini, pengkaji dapat menentukan kaedah kajian yang perlu dan sesuai untuk digunakan dalam menjalani penyelidikan. Kaedah yang akan digunakan oleh pengkaji ialah pengumpulan data dan maklumat, temubual, dan mendapatkan maklumat dari pelbagai sumber seperti bahan ilmiah dan internet.

Jadual 3.2: Rekabentuk Kajian

No.	Objektif Kajian	Rekabentuk Kajian
1.	Mengetahui sejrah dan peristiwa Masjid Kampung Tuan secara jelas kepada masyarakat terdahulu.	Temubual
2.	Mengetahui potensi dari aspek pelancongan terhadap kerja konservasi di Masjid Kampung Tuan.	Borang soal selidik.
3.	Menjelaskan impak konservasi di Masjid Kampung Tuan dari aspek ekonomi masyarakat.	Borang soal selidik.

Dalam kajian yang akan dijalankan, pengkaji menggunakan beberapa kaedah eksperimental benar yang mana respondennya akan dipilih secara rawak (Ismail Zawawi, 2015). Kajian yang dijalankan ini seperti

menggabungkan dua jenis asas penyelidikan bagi menghasilkan kajian yang lebih berkualiti. Asas penyelidikan terdiri daripada kajian lapangan dan kajian kepustakaan (Ahmad Rushdi, 2010). Dalam keadaan ini, temubual dan borang soal selidik akan dijalankan oleh pengkaji. Untuk temubual dan borang soal selidik, pengkaji akan turun ke kajian lapangan iaitu di Masjid Kampung Tuan yang terletak di Chukai, Kemaman, Terengganu. Kajian lapangan dijalankan bagi membolehkan pengkaji untuk mendapatkan maklumat dengan mudah berdasarkan objektif kajian (Asmah Omar, 2002).

Seterusnya, pengkaji juga menjalankan kajian kepustakaan yang mana kajian ini dijalankan di Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan, Bachok dan juga di Perpustakaan Awam Daerah Kemaman, Terengganu.

3.2.1 Kajian Kepustakaan

M Abdul Samad (2014), dalam melaksanakan kajian ini, kajian kepustakaan telah dijalankan terlebih dahulu sebelum kajian lapangan dijalankan. Tujuan kajian kepustakaan dijalankan adalah untuk memastikan maklumat kajian kukuh dan jelas. Selain internet, pengkaji juga menggunakan khidmat perpustakaan bagi mendapatkan maklumat melalui bahan bacaan. Antara perpustakaan yang dikunjungi oleh pengkaji ialah Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan Kampus Bachok dan Perpustakaan Awam Daerah Kemaman.

Melalui sumber bacaan yang diperolehi daripada dua perpustakaan ini, pengkaji dapat menambah maklumat berkaitan dengan kajian-kajian terdahulu dari jurnal, tesis, artikel, dan buku. Melalui kajian terdahulu ini, pengkaji memperolehi banyak maklumat

yang berkaitan dengan kajian terutamanya dari segi sejarah dan fungsi masjid serta kerja konservasi terhadap bangunan warisan.

Selain itu, maklumat yang diperolehi daripada perpustakaan ini dapat menyokong kajian pengkaji dan dapat dijadikan sebagai sumber rujukan (N Ahmad Zulfahdli, 2013). Contohnya, di Perpustakaan Awam Daerah Kemaman, pengkaji telah menemui dua buah buku yang telah dijadikan sebagai sumber rujukan untuk mendapatkan maklumat. Antara buku yang dijadikan sebagai sumber rujukan ialah Reka Bentuk Masjid Warisan Melayu dan Warisan Seni Bina Melayu yang mana melalui dua buah buku ini, pengkaji dapat memperolehi maklumat yang berkaitan dengan keistimewaan, sejarah, dan fungsi masjid.

3.2.2 Kajian Lapangan

Pengkaji menggunakan kaedah temubual dan pemerhatian ketika menjalankan kajian lapangan. Kajian lapangan dijalankan oleh pengkaji bagi melihat sendiri keistimewaan Masjid Kampung Tuan terutamanya seni bina masjid tersebut. Selain kaedah pemerhatian, pengkaji juga dapat menjalankan temu bual dengan penduduk sekitar masjid tersebut terutamanya pihak yang mempunyai kaitan dengan Masjid Kampung Tuan seperti pewaris atau penjaga masjid tersebut.

3.2.3 Temu Bual

Temu bual atau juga dikenali sebagai *interview* merupakan satu proses untuk mendapatkan data maklumat melalui interaksi dan komunikasi dari dua orang atau lebih (Masri Singarimbun dan

Sofyan Efendi, 1995). Menurut Sabitha Marican pula temubual merupakan satu keadaan yang mana penemu bual akan mengajukan soalan secara bersemuka pada seorang responden atau lebih.

Temu bual datang dengan bentuk iaitu temubual secara berstruktur dan tidak berstruktur. Temubual secara berstruktur merupakan temubual yang mana soalannya telah disediakan dan disusun secara terperinci sebelum temu bual dijalankan. Seterusnya, temubual tidak berstruktur pula merupakan temubual yang dilakukan berdasarkan sumber kepada garis-garis besar permasalahan yang akan disoalkan (M Abdul Samad, 2014).

Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan temubual secara berstruktur yang mana sebelum temubual diajalakan, soalan akan disediakan secara teratur bagi memudahkan pengkaji untuk menayakan soalan kepada responden. Pengkaji memilih pewaris atau penjaga masjid serta masyarakat sekitar untuk dijadikan sebagai responden.

3.2.4 Catatan

Kaedah catatan dijalankan untuk mencatat segala maklumat yang diperolehi melalui kaedah temubual dan kaedah pemerhatian. Maklumat yang berkenaan dengan kajian dicatat bagi memudahkan pengkaji untuk membuat analisis data. Selain itu, kaedah catatan ini dapat mengelakkan pengkaji mengalami kekeliruan. Segala maklumat dan info yang diperolehi bukan sahaja dilakukan melalui penulisan, namun, ianya juga dilakukan dengan melukis atau melakar gambar rajah yang mana ianya dapat membantu pengkaji untuk menggambarkan situasi Masjid Kampung Tuan.

3.2.5 Rakaman Foto

Rakaman foto dilakukan semasa menjalankan kajian lapangan untuk dijadikan sebagai bukti yang akan diletakkan ke dalam laporan. Hal ini dapat menjadikan laporan kajian lebih bermaklumat dan jelas kepada pembaca. Selain itu, gambar yang diambil dapat dijadikan sebagai sumber maklumat kepada pengkaji sekiranya berlaku sebarang masalah. Rakaman foto dilakukan dengan menggunakan telefon pintar pengkaji.

3.3 Teknik Pengumpulan Data

Pengumpulan data adalah satu kaedah untuk mendapatkan maklumat. Pengkaji telah menggunakan pelbagai teknik bagi memperolehi maklumat berkaitan dengan kajian yang ingin dikaji. Pengkaji akan menggunakan pelbagai sumber untuk memperolehi maklumat sama ada melalui data primer, data sekunder, dan borang soal selidik.

3.3.1 Data Primer

Menurut Sugiyono, data primer adalah data diperolehi secara langsung kepada pengkaji. Sumber bagi data primer ialah melalui temu bual dan pemerhatian. Selain itu, menurut Hasan pula, data primer merupakan data yang diperoleh dan dikumpul sewaktu menjalankan kajian lapangan. Data primer adalah satu kaedah untuk mengumpul maklumat secara terperinci melalui temubual, pemerhatian, dan soal selidik yang dijalankan ketika kajian lapangan. Data primer adalah data asal yang diperolehi oleh pengkaji sendiri.

Untuk kajian ini, pengkaji akan mengumpul maklumat dengan menemu bual masyarakat sekitar yang tinggal berhampiran dengan

Masjid Kampung Tuan atau pewaris masjid tersebut berkenaan dengan implikasi kerja konservasi yang dijalankan di masjid tersebut. Kaedah temubual ini dapat membantu pengkaji untuk mendapatkan maklumat yang sukar untuk diulas serta untuk memastikan pengkaji dapat mengumpul maklumat tentang perkara yang berlaku pada masa lalu. Melalui kaedah ini, pengkaji akan memperolehi maklumat asli dari masyarakat atau pewaris masjid itu sendiri. Data yang diperoleh akan dicatat atau direkod bagi memudahkan data-data tersebut dianalisis.

3.3.2 Data Sekunder

Data sekunder merupakan data yang telah dikumpulkan oleh pengkaji lain atau pengkaji lepas (Sabitha Marican, 2005). Maklumat yang diperolehi atau dikumpul oleh pengkaji lepas untuk tujuan lain, namun maklumat tersebut sesuai untuk dijadikan sebagai jawapan kepada persoalan atau rujukan oleh pengkaji masa kini. Buku, jurnal, artikel, internet, dan tesis merupakan sumber untuk memperolehi data sekunder. Selain itu, data sekunder juga boleh diperolehi melalui gambar atau video yang berkaitan dengan kajian yang ingin dikaji.

Dalam kajian yang ingin dijalankan ini, pengkaji mengumpul data sekunder yang berkaitan dengan isu dan objektif kajian iaitu kesan pemuliharaan Masjid Kampung Tuan terhadap masyarakat sekitar. Pengkaji telah menggunakan beberapa sumber seperti artikel dan internet untuk memperolehi data sekunder. Selain itu, bagi mendapatkan data sekunder ini, pengkaji juga memfokuskan kepada kajian-kajian yang berkaitan dengan kesan pemeliharaan terhadap

pelancongan dan ekonomi masyarakat. Data sekunder yang diperolehi dari berbagai sumber ini dapat membantu sedikit sebanyak pengkaji bagi menjalankan kajian dengan baik.

3.4 Persampelan

Dalam menjalankan penyelidikan terhadap kajian yang akan dikaji, pengkaji perlu menentukan kaedah persampelan bagi memudahkan proses penyelidikan. Penyelidikan yang menggunakan sampel dapat memberikan peluang kepada pengkaji untuk memperolehi maklumat dengan lebih mudah dan tepat (Zulkifley Hamid, 2016). Pengkaji perlu menentukan golongan atau populasi yang akan dijadikan sebagai responden dalam kajian. Pengkaji menggunakan teknik persampelan kebarangkalian dalam penyelidikan yang mana pengkaji perlu menemu bual waris dan penduduk yang tinggal di sekitar Masjid Kampung Tuan tanpa mengira pangkat atau umur. Hal ini dapat memudahkan para pengkaji untuk mendapatkan maklumat berkenaan dengan masjid tersebut terutamanya dalam aspek pemeliharaan, ekonomi serta sejarah Masjid Kampung Tuan.

3.5 Kaedah Analisis Data

Analisis data merupakan satu tahap proses penyelidikan yang mana data yang diperolehi akan dikumpulkan untuk menjawab rumusan masalah. Analisis data juga dipanggil sebagai pengurusan dan pemprosesan data. Data dianalisis dengan menggunakan teknik statistik . Namun, terdapat juga kajian yang menggunakan analisis tematik iaitu pengekodan teks dan tafsiran teks (Ummi Adibah, 2019).

Kaedah untuk menganalisis data ditentukan berdasarkan proses penyelidikan yang dijalankan. Terdapat dua kategori kaedah penyelidikan iaitu

kualitatif dan kuantitatif dan kaedah analisis data juga dibahagikan kepada dua iaitu kaedah kualitatif dan kuantitatif (Ummi Adibah, 2019). Oleh hal yang demikian, kaedah menganalisis data yang dijalankan dapat membantu pengkaji untuk menjawab segala persoalan dan objektif kajian.

Jadual 3.5: Kaedah Analisis Data.

Persoalan Kajian	Kaedah Analisis Data
1. Apakah sejarah dan keistimewaan Masjid Kampung Tuan ini dalam kalangan masyarakat sekitar?	Temubual
2. Bagaimanakah industri pelancongan dapat dikembangkan setelah kerja konservasi dijalankan ke atas Masjid Kampung Tuan ini?	Borang soal selidik
3. Apakah impak kerja konservasi di Masjid Kampung Tuan kepada ekonomi masyarakat sekitar?	Borang soal selidik

Kaedah untuk menganalisis data dapat membantu pengkaji untuk menentukan kaedah yang sesuai yang digunakan dalam melaksanakan kajian ini. Setiap persoalan kajian menggunakan kaedah yang berbeza. Hal ini dapat membantu pengkaji untuk mendapatkan maklumat daripada pelbagai sumber dan kaedah.

3.6 Jangkaan Dapatan Kajian

Kaedah kajian yang digunakan dalam kajian ini akan dijangka dapat membantu pengkaji untuk mengetahui impak daripada kerja konservasi yang

dijalankan di Masjid Kampung Tuan ini. Kaedah-kaedah yang digunakan dijangka dapat memberi kesedaran kepada pelbagai pihak terutamanya masyarakat yang tinggal di sekitar Masjid Kampung Tuan.

Melalui borang soal selidik, pengkaji menjangka bahawa segala objektif dan persoalan dapat dijawab oleh responden yang berkaitan dengan kajian ini. Secara tidak langsung, hasil kajian ini dapat membuka mata masyarakat bahawa kerja konservasi dapat memberi kesan yang baik kepada semua pihak. Pengkaji juga dapat menjangkakan bahawa kaedah temu bual dan pemerhatian yang dijalankan dapat menghasilkan satu kajian yang mempunyai maklumat yang sahih dan betul. Hal ini kerana, kaedah temu bual dan pemerhatian dapat membantu pengkaji untuk melihat sendiri situasi Masjid Kampung Tuan.

Akhir sekali, jangkaan dapatan kajian dapat membantu pengkaji untuk menjangkakan hasil kajian yang dilaksanakan dengan menggunakan kaedah yang sesuai.

3.7 Penutup

Secara keseluruhannya, kaedah metodologi yang digunakan dalam kajian ini dapat membantu pengkaji untuk menjalankan kajian dengan lebih terperinci. Kaedah metodologi yang digunakan seperti data primer, data sekunder, dan borang soal selidik dapat membantu pengkaji untuk menjawab segala persoalan dan objektif kajian mengenai implikasi kerja pemuliharaan Masjid Kampung Tuan terhadap masyarakat sekitar.

Selain itu, metodologi kajian juga dapat membantu pengkaji memperolehi maklumat yang sahih dan betul. Metodologi kajian dapat menentukan dan mentakrifkan maksud atau konsep yang sebenar. Melalui metodologi kajian, pengkaji dapat membuat pilihan untuk menentukan jenis

kaedah yang diperlukan dalam menjalankan kajian (Shuhairy Norhisham, 2019). Hasil kajian yang diperolehi juga dapat membuktikan bahawa kerja-kerja pemuliharaan yang dijalankan ke atas sesebuah warisan dapat memberi manfaat dan keuntungan kepada negara.



BAB 4

DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan

Dapatan kajian merupakan satu bahagian bagi menyatakan segala hasil data yang telah dianalisiskan oleh pengkaji. Data yang dikutip dan dianalisiskan ini merupakan hasil kutipan dari temubual dan borang soal selidik berdasarkan objektif kajian dan hasil kajian yang diperolehi melalui responden. Responden terdiri daripada penduduk yang tinggal berdekatan dengan Masjid Kampung Tuan serta seluruh penduduk Kemaman.

Dalam kajian ini, seramai 5 orang responden yang merupakan penduduk Chukai yang terdiri daripada penduduk sekitar Masjid Kampung Tuan, ahli masjid, dan Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) telah ditemu bual oleh pengkaji. Temu bual dijalankan bagi memperolehi maklumat berkenaan dengan kajian iaitu implikasi kerja-kerja pemuliharaan Masjid Kampung Tuan terhadap masyarakat sekitar di Chukai, Kemaman, Terengganu. Selain temu bual, pengkaji juga menggunakan kaedah borang soal selidik bagi mengumpul maklumat dari masyarakat sekitar Chukai.

4.2 Keistimewaan Masjid Kampung Tuan Secara Jelas Kepada Masyarakat Setempat.

Berdasarkan hasil kajian yang dijalankan oleh pengkaji, terdapat beberapa keistimewaan Masjid Kampung Tuan yang menjadi tarikan masyarakat termasuklah pelancong luar. Keistimewaan Masjid Kampung Tuan dapat dilihat dari segi sejarah, fungsi dan rekabentuk masjid tersebut.

Masjid Kampung Tuan merupakan masjid yang sudah lama dibina sehingga digelar sebagai masjid tertua di Terengganu. Oleh hal yang demikian, kerja-kerja konservasi telah dijalankan oleh pihak Jabatan Warisan terhadap masjid ini dan perkara ini telah memberi banyak impak kepada masyarakat sekitar Chukai.

Hasil kajian dijalankan dengan menggunakan kaedah temubual. Temubual telah dijalankan dengan menemubual 5 orang penduduk kampung termasuklah 2 orang Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung.

4.2.1 Sejarah Penubuhan Masjid Kampung Tuan.

Pengkaji telah menemubual 3 orang penduduk kampung yang tinggal di sekitar Masjid Kampung Tuan dan 2 orang JPKK kampung tersebut. Terdapat beberapa perbezaan pendapat berkenaan dengan sejarah penubuhan Masjid Kampung Tuan ini. Temubual dijalankan yang mana pengkaji menyediakan beberapa soalan yang berkaitan dengan kajian.

Berkaitan dengan sejarah penubuhan Masjid Kampung Tuan, ada yang berpendapat bahawa penubuhan masjid ini bermula setelah berlakunya satu pergaduhan di Pattani. Seorang ulama dan pengikutnya telah melarikan diri. Perbezaan pendapat dapat dilihat di sini yang mana menurut Puan Limah Binti Abdullah yang merupakan salah seorang penduduk lama kampung ini menyatakan bahawa terdapat satu mitos yang mana ulama melarikan diri dengan cara terbang manakala beberapa orang pengikut ulama sahaja yang dapat selamatkan diri kerana yang terselamat itu merupakan antara pengikut yang

sempat pegang serban ulama tersebut. Setelah itu, ulama dan pengikutnya jatuh ke Kampung Enjin yang juga dikenali sebagai Kampung Tuan. Ulama dan pengikutnya tinggal di kampung tersebut dan bina Masjid Kampung Tuan.

Seterusnya, menurut salah seorang JPKK kampung ini iaitu Encik Syed Alwi Bin Syed Hamzah, bukan sahaja Masjid Kampung Tuan yang dikategorikan sebagai masjid tertua di Terengganu namun, kampung yang menempatkan masjid itu juga merupakan Kampung yang pertama atau terawal di Chukai. Masjid ini telah dibina pada tahun 1786 melalui penyebaran agama Islam yang berlaku pada zaman dahulu yang mana ianya dibina oleh Syeikh Abdul Samad Fattani. Masjid Kampung Tuan ini juga mempunyai kembar dengan masjid yang terletak di Palembang, Indonesia dan di Kerisik. Menariknya, pemilik masjid-masjid ini merupakan adik-beradik kepada Syeikh Abdul Samad Fattani.

4.2.2 Fungsi Masjid Kampung Tuan.

Masjid merupakan sebuah tempat ibadah untuk orang islam. Namun, terdapat juga masjid yang bukan sahaja berfungsi sebagai tempat ibadah. Perkara ini dapat dilihat pada Masjid Kampung Tuan yang mana selain dijadikan sebagai tempat ibadah, ia juga berfungsi sebagai tempat untuk bermesyuarat dan upacara-upacara lain.

Berdasarkan temubual bersama Puan Sharifah Noor Ezan, terdapat beberapa aktiviti seperti kuliah yang diuruskan oleh ahli jawatankuasa masjid. Kuliah ini biasanya dijalankan pada hari-hari yang tertentu sahaja dan dihadiri oleh penduduk kampung tanpa mengira usia dan jantina. Sekiranya ada hari-hari penting seperti sambutan maulidur rasul, hari asyura, hari raya puasa, dan hari raya korban, masjid ini akan menjalankan aktiviti-aktiviti yang berkaitan. Antara

aktiviti yang dijalankan ialah kacau bubur asyura, penyembelihan binatang sempena hari raya korban, jamuan sempena hari raya puasa dan maulidur rasul. Menurut Encik Asmadi, keistimewaan yang terdapat pada masjid ini telah menjadikan masjid ini sebagai tempat untuk menjalankan pengambaraan drama-drama tertentu.

Menurut Puan Shamsiah pula, masjid ini juga dijadikan sebagai tempat untuk mengurus dan mandikan jenazah. Kenduri-kendara turut dijalankan di masjid ini. Beliau juga da menyatakan bahawa fungsi masjid ini berubah selepas adanya Masjid Sultan Ahmad yang tidak jauh dari Masjid Kampung Tuan ini. Sebelum Masjid Sultan Ahmad dibina, penduduk sekitar akan menunaikan solat jumaat di Masjid Kampung Tuan, namun, selepas Masjid Sultan Ahmad dibina, penduduk sekitar menunaikan solat jumaat di Masjid Sultan Ahmad atas faktor keluasan tempat.

Encik Syed Alwi pula menyatakan bahawa aktiviti berbuka puasa turut dijalankan. Di samping itu, masjid ini juga dijadikan tempat untuk majlis perkahwinan dan upacara akad nikah.

4.2.3 Keistimewaan Reka Bentuk Masjid Kampung Tuan.

Selain dari sejarah penubuhan, Masjid Kampung Tuan juga mempunyai rekabentuk yang tersendiri berbanding dengan masjid-masjid lain. Hal ini juga menjadikan masjid ini diwartakan sebagai salah sebuah bangunan warisan. Perbezaannya dapat dilihat dari bumbung masjid ini yang mana ianya menggunakan bumbung jenis limas.

Dalam temubual bersama Encik Syed Alwi selaku JPKK Kampung Enjin, beliau ada menyatakan bahawa masjid ini mempunyai persamaan dengan beberapa masjid dari segi reka bentuknya seperti Masjid Berserah yang terletak di

Pahang. Masjid Berserah merupakan masjid yang juga dibina oleh cucu Syed Abdul Samad Fatani iaitu Syeikh Abdul Rahman yang turut dikenali sebagai Tuan Wok. Menurut beliau, walaupun masjid ini mempunyai persamaan dari segi reka bentuk, namun, terdapat perbezaan dari segi cara pembinaannya yang mana Masjid Berserah ini dibina dengan menggunakan paku manakala Masjid Kampung Tuan dibina dengan menggunakan pasak sahaja. Selain itu, buah butung juga merupakan salah satu faktor masjid ini mempunyai keistimewaan dari masjid yang lain.

Selain itu, beliau juga menyatakan bahawa mimbar masjid tersebut juga merupakan satu keunikan yang mana mimbar tersebut diperbuat daripada sebatang kayu balak yang dibelah dua. Rajah 4.1 menunjukkan mimbar Masjid Kampung Tuan. Keistimewaan dan keunikan lain yang terdapat pada masjid ini bukan sahaja dapat dilihat dari luar, namun, ia juga dapat dilihat dari dalam masjid yang mana terdapat ukiran bahasa jawi di bahagian mimbar. Menurut Encik Syed, ukiran tersebut menjadi satu misteri kerana penduduk atau pengunjung masih tidak boleh mengenal pasti ayat yang diukir di bahagian mimbar tersebut. Pengkaji juga menemubual salah seorang penduduk kampung yang tinggal di sekitar masjid iaitu Puan Shamsiah. Berkenaan dengan reka bentuk atau seni bina masjid ini, Puan Shamsiah menyatakan bahawa Masjid Kampung Tuan merupakan sebuah masjid yang unik kerana reka bentuk bumbungnya yang lain dari masjid yang lain.

Melalui hasil temubual, pengkaji mendapati bahawa kestimpewaan dari segi seni bina dan rekabentuk masjid merupakan antara faktor masjid ini diwartakan sebagai bangunan warisan oleh Jabatan Warisan Negara. Rajah 4.2

merupakan tugu yang menandakan bahawa masjid ini sudah diiktiraf sebagai bangunan warisan.



Rajah 4.1: Mimbar Masjid Kampung Tuan.

(Sumber: Kajian Lapangan). (22 November 2021)



Rajah 4.2: Tugu di Masjid Kampung Tuan.

(Sumber: Kajian Lapangan). (22 November 2021)

4.2.4 Keistimewaan Lain Masjid Kampung Tuan.

Usia masjid ini menjadi satu keistimewaan bagi masyarakat sekitar. Hal ini dikatakan demikian kerana masjid ini merupakan masjid yang tertua di

Terengganu yang mana ianya sudah berusia kira-kira 235 tahun dan ini merupakan salah satu asbab masjid ini diiktiraf sebagai bangunan warisan.

Masjid ini juga mempunyai keistimewaan yang lain seperti air telaga yang terletak di sekitar masjid ini. Menurut Encik Syed Alwi, usia air telaga tersebut sama dengan usia Masjid Kampung Tuan. Air telaga tersebut masih kekal sehingga kini dan banyak memberi manfaat kepada penduduk sekitar serta orang luar. Hasil temubual yang dijalankan berkenaan dengan keistimewaan lain yang terdapat pada masjid ini ialah para responden menyatakan bahawa air telaga dapat menyembuhkan penyakit terutamanya penyakit-penyakit misteri.

Di samping itu, menurut responden, pengguna air telaga menyatakan bahawa air telaga mempunyai rasa yang manis. Selain dijadikan sebagai ubat, air telaga turut dijadikan sebagai air minum harian dan air untuk mandi. Menurut Puan Sharifah Noor Ezan, kebiasaannya pelancong luar datang ke Masjid Kampung Tuan untuk mengambil air telaga kerana airnya baik untuk perubatan. Selain itu, air telaga ini telah banyak membuktikan bahawa ianya dapat dijadikan sebagai ubat untuk merawat penyakit.



Rajah 4.3: Telaga di Masjid Kampung Tuan.

(Sumber: Kajian Lapangan). (25 September 2021)

4.2.5 Cara Kekalkan Keistimewaan Masjid Kampung Tuan.

Keistimewaan yang terletak pada Masjid Kampung Tuan perlu dijaga dan dipulihara kerana ia merupakan satu warisan yang perlu dikekalkan agar dapat dijadikan sebagai satu sumber pengetahuan kepada generasi akan datang. Sejarah, reka bentuk, fungsi serta keistimewaan lain yang ada pada masjid ini menjadi salah satu faktor masjid ini perlu dikekalkan.

Sebagai salah seorang penduduk Kampung Enjin, Puan Sharifah Noor Ezan berpendapat bahawa cara untuk mengekalkan keistimewaan masjid ini ialah dengan sentiasa memelihara dan menjaga persekitarannya agar sentiasa kelihatan terpelihara. Oleh itu, dalam penjagaan masjid ini, masyarakat juga perlu memainkan peranan yang penting sekali gus dapat memberi kesedaran kepada mereka yang mana Masjid Kampung Tuan merupakan salah sebuah khazanah negara yang perlu dijaga.

Seterusnya, Puan Shamsiah pula berpendapat, cara penjagaan seni bina juga perlu dititik beratkan. Hal ini kerana, keistimewaan Masjid Kampung Tuan dapat dilihat melalui seni bina yang unik. Menurut Encik Syed Alwi pula, pihak kerajaan negeri perlu berhubung rapat dengan jawatankuasa Masjid Kampung Tuan supaya penjagaan dari segi kewangan dan populariti masjid ini dapat diuruskan dengan baik. Selain itu, orang kampung juga perlu memainkan peranan untuk menjaga masjid ini dari segi ibadah dan majlis lain-lain.

4.3 Analisis Demografi


Analisis demografi merupakan hasil pengumpulan data yang dikumpul oleh pengkaji. Data yang diperolehi ialah maklumat responden melalui temubual dan borang soal selidik. Menurut Irwan Nadzif Mahpul, demografi merupakan pengajian saintifik berkenaan dengan populasi manusia. Analisis demografi merujuk kepada kajian berkenaan dengan komponen perubahan penduduk iaitu dari segi fertiliti (kesuburan), mortaliti (kematian), dan migrasi iaitu penghijrahan (Hauser & Duncan, 1959). Analisis demografi terbahagi kepada dua iaitu analisis statik dan analisis dinamik. Analisis statik bermaksud mengkaji kedaan demografi terutamanya berkaitan saiz serta komposisi penduduk. Kajian berkenaan dengan perubahan demografi dari semasa ke semasa dari aspek fertiliti, mortaliti serta migrasi pula merujuk kepada analisis dinamik.

Jadual 4.1: Maklumat Responden Yang Ditemubual Pengkaji.

Bil.	Nama Responden	Umur	Tarikh Temubual
1.	Sharifah Noor Ezan Binti Shd Abdul Rani (Penduduk sekitar Masjid Kampung Tuan)	40-an	25 September 2021
2.	Limah Binti Abdullah (Penduduk sekitar Masjid Kampung Tuan)	65 Tahun	25 September 2021
3.	Asmadi Bin Haji Omar @ Ali (Pengerusi JPKK)	40-an	28 September 2021
4.	Syed Alwi Bin Syed Hamzah (Pengerusi Kampung JPKK)	50 Tahun	22 November 2021
5.	Shamsiah (Penduduk Kampung)	30-an	22 November 2021

4.3.1 Taburan Responden Mengikut Umur

Data responden mengikut umur telah dikumpulkan dan dianalisis oleh pengkaji dalam bentuk kekerapan dan peratusan seperti dalam rajah 4.4.




Rajah 4.4: Taburan Responden Mengikut Umur

Bilangan responden dianalisis mengikut umur iaitu 18 tahun ke bawah, 19 hingga 23 tahun, 24 hingga 28 tahun, 29 hingga 33 tahun, 34 hingga 38 tahun, dan 39 tahun ke atas. Seramai 9 orang responden yang berumur 19 hingga 23 tahun dan merupakan golongan umur responden yang paling ramai. 1 orang responden yang berumur 34 hingga 38 tahun manakala responden yang berumur 39 tahun seramai 3 orang atau 23.1%.

4.3.2 Taburan Responden Mengikut Jantina

Data responden mengikut jantina telah dikumpulkan dan dianalisis oleh pengkaji dalam bentuk kekerapan dan peratusan seperti rajah 4.5.




Rajah 4.5: Taburan Responden Mengikut Jantina

Rajah 4.5 menunjukkan taburan responden mengikut jantina. Berdasarkan hasil yang dianalisis, pengkaji mendapati bahawa responden perempuan lebih ramai berbanding dengan responden lelaki. Responden perempuan seramai 92.3% iaitu bersamaan 12 orang dan selebihnya responden lelaki.

4.3.3 Taburan Responden Mengikut Status

Data responden mengikut status dikumpulkan dan dianalisis seperti dalam rajah 4.6 dalam bentuk kekerapan dan peratusan.




Rajah 4.6: Taburan Responden Mengikut Status

Berdasarkan rajah 4.6, responden yang belum berkahwin merupakan responden yang paling ramai iaitu 61.5% bersamaan 8 orang. Selebihnya, seramai 5 orang atau 38.5% responden yang mempunyai status berkahwin.

4.3.4 Taburan Responden Mengikut Pekerjaan

Data responden mengikut pekerjaan telah dikumpulkan dan dianalisis oleh pengkaji dalam bentuk kekerapan dan peratusan. Rujuk rajah 4.7 untuk hasil kumpulan data.



Rajah 4.7: Taburan Responden Mengikut Pekerjaan

Rajah 4.7 menunjukkan taburan responden mengikut perkerjaan. Pengkaji mendapati bahawa jumlah responden paling tinggi ialah pelajar iaitu seramai 61.5%. Manakala yang tidak bekerja seramai 23.1% responden. Bagi responden yang bekerja swasta dan bekerja sendiri mempunyai peratusan dan jumlah yang sama iaitu sermai 7.7% responden.

4.4 Tahap Perkembangan Industri Pelancongan Terhadap Kerja Pemuliharaan Masjid Kampung Tuan.

Masjid Kampung Tuan merupakan salah sebuah bangunan warisan yang sudah dipulihara oleh Jabatan Warisan Negara. Oleh itu, ia banyak mendatangkan impak yang baik terutamanya dalam industri pelancongan.

4.4.1 Tujuan Kunjungan Ke Masjid Kampung Tuan.

Masjid Kampung Tuan banyak memainkan peranan yang penting terutamanya kepada masyarakat sekitar. Masjid Kampung Tuan ini bukan sekadar memberi manfaat kepada masyarakat sekitar, namun, ia turut memberi manfaat kepada orang luar. Berdasarkan borang soal selidik, pengkaji mendapati terdapat 3 orang responden yang tidak pernah berkunjung ke Masjid Kampung Tuan. Manakala selebihnya pernah berkunjung ke Masjid Kampung Tuan atas tujuan tertentu seperti belajar mengaji, majlis ilmu, menunaikan solat, dan menghadiri aktiviti yang dijalankan. Ada juga responden menyatakan bahawa kunjungan ke masjid bertujuan untuk memandikan anak dan terawih.

4.4.2 Pengetahuan Masyarakat Terhadap Masjid Kampung Tuan.

Bagi soalan yang berkenaan dengan pengetahuan masyarakat terhadap pemuliharaan Masjid Kampung Tuan oleh Jabatan Warisan Negara, pengkaji mendapati bahawa seramai 38.5% yang tahu bahawa Masjid Kampung Tuan sudah dipulihara oleh Jabatan Warisan Negara. Namun, seramai 61.6% responden yang tidak tahu bahawa masjid ini sudah dipulihara oleh Jabatan Warisan Negara.

Seterusnya, seramai 46.2% yang menjawab ya bagi soalan Masjid Kampung Tuan sudah dikenali oleh orang ramai terutamanya penduduk Kemaman sebelum dipulihara. Jumlah yang menjawab ya sama banyak dengan jumlah yang menjawab tidak iaitu 46.2%. Seramai 7.6% yang menjawab tidak pasti untuk soalan ini.

4.4.3 Perkembangan Masjid Kampung Tuan Selepas Dipulihara.

Berdasarkan soalan kerja pemuliharaan yang telah dijalankan memberi banyak perubahan terhadap Masjid Kampung Tuan, secara majoritinya responden menjawab ya iaitu seramai 61.5%. Manakala bagi jawapan tidak, terdapat seramai 23.1% responden. Selebihnya iaitu 15.4% yang menjawab tidak pasti bagi soalan ini.

Seramai 76.9% responden menjawab ya bagi soalan industri pelancongan dapat berkembang maju setelah masjid ini dipulihara. 15.4% responden yang menjawab tidak bagi soalan ini dan 7.7% responden yang menjawab tidak pasti.

4.4.4 Kesan Pemuliharaan Masjid Kampung Tuan Dalam Industri Pelancongan.

Seramai 9 orang responden yang setuju bahawa Masjid Kampung Tuan memainkan peranan penting dalam industri pelancongan. Dari 9 orang responden yang setuju, terdapat 7 orang yang nyatakan sebab bersetuju. Antaranya ialah setuju kerana Masjid Kampung Tuan merupakan sebuah masjid yang unik dan jarang dijumpai. Ada juga responden yang menyatakan bahawa ia dapat dijadikan sebagai tempat yang bersejarah dan pelancong lebih tertarik dengan bangunan yang mempunyai seni serta sejarah. Selain itu, terdapat juga responden yang menyatakan bahawa di Kemaman tidak begitu banyak tempat-tempat warisan yang boleh dijadikan sebagai sumber pelancongan, ramai orang luar yang datang ke sini dan kawasan letak kenderaan juga luas, tempat solat yang selesa dan tempat ambil wudhu' yang bersih. Namun, terdapat 2 orang responden yang menjawab tidak bagi soalan ini.

Seramai 84.6% responden yang setuju dengan soalan kerja pemuliharaan Masjid Kampung Tuan telah membuka mata masyarakat bahawa bangunan warisan memberi kesan yang baik terhadap aktiviti pelancongan. Manakala bagi responden yang menjawab tidak dan tidak pasti mempunyai jumlah yang sama iaitu 7.7%.

Bagi soalan kerja pemuliharaan Masjid Kampung Tuan memberi impak kepada industri pelancongan, seramai 83.3% responden yang menjawab ya. Ini merupakan jumlah yang tertinggi berbanding dengan jawapan tidak iaitu seramai 16.7% responden.

4.4.5 Tarikan Pengunjung Terhadap Masjid Kampung Tuan.

Untuk soalan ini, secara majoritinya responden menjawab seni bina merupakan satu faktor pengunjung tertarik dengan Masjid Kampung Tuan. Terdapat juga responden yang menjawab tidak pasti iaitu seramai 2 orang. Selain itu, seorang responden menyatakan bahawa air telaga merupakan satu tarikan pengunjung terhadap Masjid Kampung Tuan.

4.4.6 Cara Untuk Memastikan Masjid Kampung Tuan Dapat Dikenali.

Secara majoritinya, responden menyatakan bahawa cara untuk memastikan masjid ini dapat dikenali oleh seluruh masyarakat ialah dengan mempromosikan serta menguar-uarkan berkenaan dengan masjid ini di media sosial atau di mana-mana portal serta laman web yang berkenaan. Selain itu, terdapat juga responden yang mencadangkan agar pihak bertanggungjawab mengadakan program bersama pelajar sekolah. Ada juga yang berpendapat bahawa cara untuk

memastikan masjid ini dikenali ramai ialah dengan mendokumentasikan sejarah dan keunikan masjid ini di dalam siaran televisyen.

4.5 Impak Kerja Konservasi Masjid Kampung Tuan Terhadap Ekonomi Masyarakat Sekitar.

Kerja konservasi yang dijalankan di Masjid Kampung Tuan banyak memberi kesan yang baik kepada ekonomi masyarakat. Melalui kutipan data dari borang soal selidik membuktikan bahawa bangunan warisan dapat membantu meningkatkan taraf ekonomi masyarakat sekeliling.

4.5.1 Kesan Kerja Pemuliharaan Masjid Kampung Tuan Terhadap Ekonomi Masyarakat Sekitar.

Hasil analisis data, pengkaji mendapati bahawa seramai 91.7% responden yang menjawab ya bagi soalan kerja pemuliharaan Masjid Kampung Tuan memberi kesan yang baik terhadap ekonomi masyarakat sekitar. Bagi responden yang menjawab tidak pasti berjumlah 8.3% sahaja.

Seterusnya, bagi soalan tahap perkembangan ekonomi penduduk setempat selepas kerja pemuliharaan terhadap Masjid Kampung Tuan dijalankan, seramai 5 orang responden yang memberi respon yang baik iaitu ekonomi masyarakat sekitar berkembang agak baik. 1 orang responden menjawab biasa sahaja manakala 1 orang responden lagi menjawab tidak pasti.

Kerja konservasi Masjid Kampung Tuan memberi kesan kepada ekonomi masyarakat setempat, menurut responden, antara aktiviti ekonomi yang dijalankan ialah kelas mengaji, pelancongan, penjualan makanan, minuman, pakaian, dan lain-lain. Terdapat 1 orang responden yang menjawab tidak pasti.

Jumlah paling ramai yang menjawab soalan kegiatan ekonomi dapat dimajukan lagi dengan adanya Masjid Kampung Tuan ialah ya iaitu seramai 83.2%. Manakala, bagi jawapan tidak, seramai 8.3% responden iaitu mempunyai jumlah yang sama dengan responden yang menjawab tidak pasti.

Jumlah responden yang menjawab ya bagi soalan tahap ekonomi masyarakat sekitar mengalami banyak perubahan selepas Masjid Kampung Tuan dipulihara ialah 87.5% dan ia merupakan jumlah yang paling ramai. Bagi responden yang menjawab tidak, pengkaji mendapati terdapat seramai 12.5% responden sahaja.

4.5.2 Fungsi Dan Keistimewaan Masjid Kampung Tuan Memberi Kesan Kepada Ekonomi Masyarakat.

Seramai 81.8% responden yang setuju bahawa fungsi Masjid Kampung Tuan menjadi faktor tarikan ekonomi penduduk setempat. Manakala, responden yang tidak setuju dengan soalan ini ialah seramai 9.1% iaitu sama jumlah dengan responden yang tidak pasti.

Bagi soalan keistimewaan yang terdapat pada Masjid kampung Tuan memberi kesan kepada ekonomi masyarakat, seramai 91.6% responden yang menjawab ya. Jumlah responden yang menjawab tidak ialah 8.3%.

4.5.3 Keadaan Ekonomi Masyarakat Sekitar Sebelum Masjid Kampung Tuan Dipulihara.

Melalui data yang dianalisis, pengkaji mendapati bahawa terdapat 2 orang responden yang menyatakan bahawa ekonomi masyarakat sekitar masih berada dalam keadaan baik. Jumlah responden yang menyatakan bahawa ekonomi masyarakat kurang berkembang seramai 2 orang responden juga dan 3 orang

responden menjawab tidak pasti dengan tahap perkembangan Masjid Kampung Tuan sebelum dipulihara.

4.5.4 Langkah - langkah Yang Perlu Diambil Untuk Menaik Tarafkan Ekonomi Masyarakat Melalui Masjid Kampung Tuan.

Pelbagai respon yang diperolehi oleh pengkaji berkenaan dengan tindakan yang perlu diambil bagi memastikan Masjid Kampung Tuan ini dapat dikekalkan. Antaranya ialah menyemarakkan suasana masjid pada setiap masa. Terdapat 4 orang responden yang mencadangkan agar masjid ini sentiasa dipelihara dengan melakukan pembersihan, sentiasa menjaga kebajikannya, dan menaik taraf masjid. 1 orang responden mencadangkan agar masyarakat sekitar sama-sama berganding bahu menjaga masjid tersebut supaya ianya kekal menjadi masjid yang mempunyai sejarah serta seni binanya.

Bagi soalan cara untuk meningkatkan taraf ekonomi masyarakat melalui Masjid Kampung Tuan, terdapat 2 orang responden yang mencadangkan supaya industri pelancongan perlu dipertingkatkan bagi menaik taraf ekonomi masyarakat sekitar. Jumlah responden yang mencadangkan supaya masjid ini perlu dipromosikan seramai 2 orang juga. 3 orang responden berpendapat bahawa dengan adanya jualan, mewujudkana parking berbayar, dan menyediakan banyak kemudahan dapat meningkatkan ekonomi masyarakat.

4.6 Kesimpulan

Bab ini menerangkan berkenaan dengan data yang diperolehi melalui dua kaedah kajian yang digunakan oleh pengkaji iaitu temubual dan borang soal selidik. Melalui data kajian, dapat simpulkan bahawa para responden banyak memberi pandangan yang baik terhadap implikasi kajian pemuliharaan Masjid Kampung Tuan dan data-data yang diperolehi juga dapat menjawab segala objektif kajian. Segala

maklumat yang diterima dapat memberi kesan yang positif dalam memajukan industri pelancongan dan ekonomi masyarakat.

FTKWW



UNIVERSITI
—
MALAYSIA
—
KELANTAN

BAB 5

PERBINCANGAN, CADANGAN, DAN KESIMPULAN

5.1 Pengenalan

Bab ini akan menerangkan berkenaan dengan perbincangan hasil daripada analisis data yang dikumpulkan melalui temubual dan borang soal selidik. Bab ini akan membincangkan keistimewaan Masjid Kampung Tuan serta impak pemuliharaan dalam industri pelancongan dan ekonomi. Pengkaji akan mengemukakan beberapa cadangan berkenaan dengan usaha bagi memelihara dan memulihara Masjid Kampung Tuan.

5.2 Keistimewaan dan Keunikan Masjid Kampung Tuan

Masjid Kampung Tuan merupakan sebuah masjid yang dikategorikan sebagai bangunan warisan kerana usianya yang tua. Selain itu, masjid ini juga mempunyai keunikan dan keistimewaannya yang tersendiri yang mana ia merupakan masjid yang dibina dengan menggunakan pasak tanpa sebarang paku. Masjid ini juga dapat dibezaikan dengan masjid lain kerana reka bentuknya seperti buah butung yang terdapat di bumbung masjid serta masjid ini mempunyai bumbung yang berbentuk limas.

Hasil dari temubual penduduk kampung, pengkaji mendapati bahawa keunikan masjid ini dapat dilihat melalui rekabentuk masjid berbeza dari masjid lain terutamanya di bahagian bumbung. Selain itu, penggunaan pasak juga merupakan satu kelainan berbanding dengan masjid lain. Keistimewaan lain yang terdapat pada Masjid Kampung Tuan ialah air telaga yang terdapat di masjid ini. Air telaga ini digunakan untuk tujuan perubatan. Bukan sahaja penduduk kampung, namun, ia juga turut digunakan oleh orang luar negeri mahupun negara.

Masjid Kampung Tuan bukan sekadar berfungsi sebagai tempat ibadah. Namun, ia turut berfungsi sebagai tempat untuk bermesyuarat, perbincangan, aktiviti sosial seperti jamuan hari raya, penyembelihan untuk hari raya korban serta majlis berbuka puasa. Di samping itu, terdapat juga kelas mengaji yang dianjurkan oleh penduduk kampung. Terdapat juga penduduk yang mengadakan akad nikah di masjid ini. Secara keseluruhannya, dapat disimpulkan bahawa Masjid Kampung Tuan banyak memberi manfaat kepada masyarakat sekitar melalui keistimewaan dan keunikannya.

5.3 Impak Kerja Pemuliharaan Masjid Kampung Tuan Terhadap Industri Pelancongan.

Nilai yang terdapat pada Masjid Kampung Tuan telah menjadikan masjid ini sebagai salah satu bangunan warisan. Keunikan seni bina tradisional dan sejarah masjid ini menjadikan masjid ini sebagai salah satu sumber pelancongan. Usia masjid yang sudah mencecah hampir beratus tahun menyebabkan masjid ini perlu dipulihara bagi memastikan nilainya tidak hilang. Pemuliharaan yang dijalankan serba sedikit dapat memajukan industri pelancongan.

Melalui hasil borang soal selidik, pengkaji mendapati bahawa industri pelancongan dapat dikembangkan kerana seni bina yang terdapat pada masjid ini lain

daripada yang lain. Selain daripada seni bina, air telaga yang terdapat di masjid ini juga menjadi salah satu punca industri pelancongan dapat dikembangkan. Hasil data analisis menunjukkan bahawa secara keseluruhannya, ramai yang pernah berkunjung ke masjid atas faktor-faktor yang tertentu seperti menghadiri aktiviti sosial yang dijalankan di masjid ini.

Walaupun masih ramai yang tidak tahu bahawa Masjid Kampung Tuan telah dipulihara oleh Jabatan Warisan Negara. Namun, ini bukan satu penghalang untuk menjadikan Masjid Kampung Tuan sebagai salah satu sumber pelancongan. Menurut responden, masjid ini dapat dijadikan sebagai sumber pelancongan kerana pelancong lebih berminat dengan seni bina dan sejarah yang ada pada masjid ini. Pemuliharaan yang dijalankan dapat menjadikan masjid ini lebih dikenali oleh orang ramai. Hal ini dikatakan demikian kerana, di Chukai, Kemaman tidak mempunyai tempat yang banyak untuk dijadikan sebagai tempat pelancongan.

Dapat disimpulkan bahawa, kerja pemuliharaan yang dijalankan terhadap Masjid Kampung Tuan memberi impak yang baik dalam industri pelancongan. Pemuliharaan yang dijalankan dapat membuka mata masyarakat bahawa keistimewaan yang terdapat pada masjid ini merupakan satu nilai yang perlu dijaga kerana ia turut menyumbang kepada industri pelancongan.

5.4 Impak Kerja Pemuliharaan Masjid Kampung Tuan Terhadap Ekonomi Masyarakat Sekitar.

Kerja pemuliharaan Masjid Kampung Tuan memberi impak kepada ekonomi masyarakat sekitar. Selain dapat meningkatkan industri pelancongan, ia juga turut dapat meningkatkan taraf ekonomi masyarakat sekitar.

Berdasarkan analisis data dari borang soal selidik, pengkaji mendapati bahawa secara majoritinya, responden menyatakan bahawa Masjid Kampung Tuan banyak memberi impak kepada masyarakat sekitar. Perkara ini dapat dibuktikan dengan adanya kelas mengaji yang diadakan di masjid ini yang dianjurkan oleh penduduk sekitar. Selain itu, terdapat juga jualan seperti pakaian, minuman, dan makanan. Responden turut menyatakan bahawa pelancongan merupakan satu faktor ekonomi masyarakat sekitar dapat dikembangkan.

Sebelum Masjid Kampung Tuan dipulihara, taraf ekonomi masyarakat kurang maju berbanding dengan sekarang. Hasil kajian juga mendapati bahawa keistimewaan dan keunikan yang terdapat pada Masjid Kampung Tuan dapat membantu untuk meningkatkan ekonomi masyarakat sekitar. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa kerja-kerja pemuliharaan dapat memberi kesan yang baik kepada taraf ekonomi masyarakat sekitar.

5.5 Cadangan

Masjid Kampung Tuan merupakan antara masjid yang terawal di Terengganu. Sejarah dan keistimewaan yang terdapat pada masjid ini menjadi faktor masjid ini dikekalkan dan dipulihara. Walaupun masjid ini mempunyai perbezaan dengan masjid-masjid lain terutamanya di Kemaman, masih terdapat masyarakat sekitar yang tidak tahu pasal sejarah dan keunikan Masjid Kampung Tuan ini. Perkara ini kemungkinan boleh menyebabkan masjid ini tidak dapat dikekalkan dengan sebai yang mungkin. Oleh itu, Pelbagai rancangan perlu diwujudkan dan perlu dijalankan atau dilaksanakan dengan sebaik yang mungkin. Pada bahagian ini, pengkaji akan menyatakan beberapa cadangan sebagai usaha dalam mengekalkan masjid ini.



5.5.1 Mempromosikan Masjid Kampung Tuan

Masjid Kampung Tuan merupakan salah satu sumber pelancongan.

Walau bagaimanapun, masjid ini masih tidak dikenali oleh orang ramai terutamanya golongan muda yang kurang berminat dengan hal-hal yang berkaitan sejarah. Oleh itu, pengkaji mencadangkan agar Masjid Kampung Tuan ini dipromosikan oleh pihak yang bertanggungjawab seperti pihak kerajaan dengan kerjasama dari pengurus kampung dan ahli jawatankuasa masjid Kampung Tuan.

Promosi dapat membantu memperkenalkan Masjid Kampung Tuan dengan lebih meluas. Promosi dijalankan bagi memperkenalkan Masjid Kampung Tuan kepada masyarakat terutamanya golongan muda. Hal ini kerana, pengkaji mendapati bahawa masih ramai yang tidak tahu berkenaan dengan Masjid Kampung Tuan sama ada dari segi lokasi masjid ini serta sejarah yang berkaitan dengan masjid ini. Hal ini dapat memperluaskan pengetahuan masyarakat berkenaan dengan sejarah atau peristiwa yang berkaitan dengan Masjid Kampung Tuan sekali gus dapat mengembangkan industri pelancongan.

5.5.2 Penambahan Sudut Sejarah di Masjid Kampung Tuan

Masjid Kampung Tuan merupakan sebuah masjid yang mempunyai pelbagai fungsi yang banyak memberi manfaat kepada masyarakat sekitar. Pelbagai aktiviti dijalankan bagi memastikan masjid tersebut sentiasa digunakan. Walaupun begitu, masih terdapat masyarakat yang tidak tahu berkenaan dengan sejarah masjid tersebut. Dalam hal ini, pengkaji mencadangkan agar ada pihak yang akan mewujudkan satu ruang, sudut atau galeri kecil di persekitaran masjid.

Di ruang, sudut, atau galeri tersebut adanya sejarah dan peristiwa yang berkenaan dengan Masjid Kampung Tuan. Selain itu, tempat yang disediakan juga memaparkan beberapa perkara atau tinggalan yang masih terdapat dalam

masjid tersebut. Hal ini dapat membantu masyarakat atau pengunjung menambah pengetahuan berkenaan dengan Masjid Kampung Tuan melalui informasi yang dipaparkan.

5.5.3 Sentiasa Memelihara dan Memulihara Masjid Kampung Tuan

Pemeliharaan dan pemuliharaan merupakan satu perkara penting bagi memastikan bangunan warisan dapat dikekalkan. Masjid Kampung Tuan merupakan salah sebuah masjid tertua selepas Masjid Putih di Terengganu. Masjid ini pernah dipulihara oleh Jabatan Warisan Negara dan didaftarkan sebagai bangunan warisan. Oleh hal yang demikian, menurut cadangan pengkaji, Masjid ini perlu sentiasa dipelihara dan dipulihara agar keistimewaannya dapat dikekalkan. Bukan itu sahaja, melalui kerja pemeliharaan dan pemuliharaan ini juga dapat mengekalkan juga sejarah yang ada pada masjid ini.

Pengekalan masjid ini dapat menarik ramai pelancong terutamanya pelancong dari luar negeri atau negara. Secara tidak langsung, ia dapat memajukan industri pelancongan dan ekonomi masyarakat sekitar. Dalam menjalankan aktiviti pemuliharaan, bahan-bahan binaan perlulah dikekalkan. Hal ini menunjukkan bahawa keaslian Masjid Kampung Tuan dapat dikekalkan walaupun sudah dipulihara. Keaslian bangunan warisan berdasarkan pengekalan bahan binan dan reka bentuk yang dikekalkan tanpa sebarang perubahan secara maksima.

5.6 Kesimpulan

Kajian yang dijalankan oleh pengkaji terhadap Masjid Kampung Tuan dapat disimpulkan bahawa Masjid Kampung Tuan mempunyai keistimewaan dan keunikan dari masjid-masjid lain. Melalui kajian ini, dapat dilihat bahawa Masjid Kampung Tuan merupakan salah satu masjid yang dapat membuka mata masyarakat bahawa kehalusan seni bina dan keunikan reka bentuk yang terdapat pada masjid tersebut perlu dijaga dengan baik. Selain itu, keistimewaan yang terdapat pada masjid ini juga terkandung banyak peristiwa yang mempunyai kaitan dengan pemilik masjid tersebut.

Selain dapat dijadikan sebagai tatapan ramai, keistimewaan yang terdapat pada masjid ini juga dapat memberi impak yang baik kepada seluruh masyarakat terutamanya dalam industri pelancongan. Industri pelancongan yang maju sekali gus dapat membantu meningkatkan ekonomi masyarakat setempat. Keistimewaan dan keunikan Masjid Kampung Tuan dapat menarik ramai pelancong terutamanya pelancong dari luar. Selain itu, di masjid ini terdapatnya air telaga yang juga menjadi salah satu faktor Masjid Kampung Tuan ini dijadikan sebagai pusat pelancongan.

Kajian yang dijalankan ini juga dapat membuka mata pengkaji bahawa khazanah warisan dapat dijadikan sebagai salah satu sumber ekonomi masyarakat. Oleh hal yang demikian, dapat disimpulkan bahawa bangunan warisan perlu dipelihara dan dipulihara kerana ia banyak memberi impak yang positif. Secara keseluruhannya, kajian ini membuktikan bahawa Masjid Kampung Tuan dapat dikekalkan melalui aktiviti pemeliharaan dan pemuliharaan yang dijalankan secara berkala serta masjid ini dapat memberi impak yang baik dalam industri pelancongan dan ekonomi.

RUJUKAN

- A, Ghafar. Pemuliharaan Bandar Warisan Untuk Pembangunan Pelancongan: Kajian Kes Melaka dan Kota Bahru. Retrieved from
<http://ethesis.usm.my/jspui/handle/123456789/1609>
- A, Lilawati. (2013, January). Bangunan Bersejarah Kerosakan dan Penyataan Kaedah Kerja Pemuliharaan. Diakses pada Mac 29,2020 daripada
https://www.researchgate.net/publication/326459941_Bangunan_Bersejarah_Kerosakan_dan_Penyataan_Kaedah_Kerja_Pemuliharaan
- A, Siti. (2009, March 24). Masjid 100 Tahun Kampung Tuan. Retrieved from
<https://almasjid.wordpress.com/tag/kemaman/>
- A, Yusuf. (2012). Warisan Seni Bina Melayu Terengganu. Retrieved from
<https://www.pnm.gov.my/index.php/pages/view/49>
- H, Fairuzah. (2002). Seni Bina Masjid di Malaysia. Retrieved from
<https://ir.uitm.edu.my/id/eprint/11631/>
- Jabatan Muzium Malaysia. Konservasi. Retrieved from
<http://www.jmm.gov.my/ms/content/konservasi>
- J, Suhana. (2012). Pemuliharaan dan Pembaikan Masjid Kayu Tradisional di Malaysia. Retrieved from
<http://eprints.usm.my/44911/1/SUHANA%20BINTI%20JOHAR.pdf>
- Jabatan Warisan Negara. (2016, May 24). Definisi Konservasi. Retrieved from
http://www.heritage.gov.my/index.php?option=com_content&view=article&id=74&Itemid=435&lang=ms
- K, Kamarul Syahril., A,Ghafar., A, Lilawati. (2007, March 5). Kecacatan Bangunan Dan Kepentingan Pemuliharaan Warisan di Bandaraya Ipoh. Retrieved from

<http://buildingconservation.blogspot.com/2007/12/kecakatan-bangunan-dan-kepentingan.html?m=1>

Kamus Dewan Edisi Keempat. Retrieved from
<https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=bangunan>

Kamus Dewan Edisi Keempat. Retrieved from
<https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=konservasi>

Kirthiga. (2019, April 27). Masjid ‘Siam’ Kampung Tuan Sudah Berdiri 185 Tahun.
Retrieved from

<https://teganukita.my/masjid-siam-kampung-tuan-sudah-berdiri-185-tahun/>

Konsep Masjid Menurut Al-Sunnah. Retrieved from
http://studentsrepo.um.edu.my/901/4/BAB_1.pdf

Konsep Masjid. Retrieved from
[http://studentsrepo.um.edu.my/5143/4/\(4\)_FULL_TESIS_-_OK.pdf](http://studentsrepo.um.edu.my/5143/4/(4)_FULL_TESIS_-_OK.pdf)

M, Jaki. (2014, September). Penglibatan Masyarakat dalam Pemuliharaan Kawasan Warisan di Pusat Bandaraya Ipoh, Perak. Retrieved from
<http://eprints.usm.my/29048/>

M, Mohamad Sohaimi. (2017). Kepentingan Pemuliharaan Dan Penyelenggaraan Rumah Tradisional Melayu di Abad Kini. Retrieved from
<https://ir.uitm.edu.my/id/eprint/32223/1/32223.pdf>

M, Solihah., M, Mazdi., R, Ruzanna., M, Jabil., A, Mohammad., Y, Mohammad. (2015). Pengurusan Bandar Warisan UNESCO dan Penglibatan Komuniti Tempatan: Kajian Kes di George Town, Pulau Pinang. Retrieved from
<https://ejournal.ukm.my/gmjss/article/view/18993>

- M, Syahidah & H, Zalina. (2018, October). Pendekatan Analisa Morfologi Bandar: Satu Kajian Rintis Mengenai Perkembangan Kajian Ke Arah Pemeliharaan Bandar Melayu. Retrieved from
https://www.researchgate.net/publication/328530484_Pendekatan_Analisa_Morfologi_Bandar_Satu_Kajian_Rintis_mengenai_Perkembangan_Kajian_ke_arah_Pemeliharaan_Bandar_Melayu
- Masjid Bumbung Limas di Semenanjung Malaysia. Retrieved from
http://studentsrepo.um.edu.my/5957/4/Lampiran_4.pdf
- Mastor Surat, 2017, Reka Bentuk Masjid Warisan Melayu, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka.
- N, Halim & W, Hashim. (1997). Warisan Seni Bina Melayu. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- N, Tugang., S, Ain. (2020, June). Kajian Mengenai Bangunan Warisan Bersejarah Oldcourt House di Kuching, Sarawak. Retrieved from
https://www.researchgate.net/publication/342243063_KAJIAN_MENGENAI_BANGUNAN_WARISAN_BERSEJARAH_OLDCOURT_HOUSE_DI_KUCHING_SARAWAK
- P, Zulhilmi., A, Rohani., A, Shukri., A, Suhanim., & R, Khadafi . (2014). Indeks Konservasi Bangunan Bersejarah dan Tapak Warisan Kebudayaan: Pendokumentasian dan Pengkategorian untuk Industri Pelancongan Warisan (Heritage Tourism) di Negeri- Negeri Utara Semenanjung Malaysia. Retrieved from <http://repo.uum.edu.my/24781/1/11995.pdf>
- S, Yazid. (2008). Kajian 'Survival' Warisan Budaya dalam Sektor Pelancongan di Negeri Melaka. Retrieved from

- <https://ir.upsi.edu.my/doc.php?t=p&id=97b8e44f06f1eaf8d44fa5f812aee4c26061e89fbf26a>
- T, Kamarul. (2015, March 16). Sorotan Literatur. Retreived from <https://www.slideshare.net/mobile/wmkfirdaus/sorotan-literatur-dr-kemarul>
- Universiti Putra Malaysia. (2021, February 26). Kepentingan Memelihara Bangunan Bersejarah. Retrieved from https://k10.upm.edu.my/artikel/kepentingan_memelihara_bangunan_bersejarah-60616
- Y, Mohd Yuszaidy. (2018). Pemuliharaan Wrisan Budaya Melalui Perundangan Warisan Dn Agensi Pelaksana di Malaysia. Retrieved from <https://ejournal.ukm.my/jmelayu/article/view/28661>
- Z, Fatimah., A,Abidin., & A, Ashraf. (2011, April 21). Masalah Dalam Pemeliharaan Bangunan Warisan di Malaysia. Retrieved from <http://eprints.uthm.edu.my/id/eprint/2007>

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

LAMPIRAN



BORANG SOAL SELIDIK

TAJUK KAJIAN: IMPLIKASI KERJA-KERJA PEMULIHARAAN MASJID KAMPUNG TUAN KEPADA MASYARAKAT SEKITAR DI CHUKAI, KEMAMAN, TERENGGANU.

Tujuan borang soal selidik ini adalah untuk mendapatkan maklumat berkenaan dengan implikasi kerja pemuliharaan Masjid Kampung Tuan terhadap masyarakat sekitar di Chukai, Kemaman, Terengganu. Maklumat yang diperolehi adalah untuk tujuan kajian dan penyelidikan.

Borang ini terdiri daripada empat bahagian (A, B, C, D). Responden dikehendaki untuk menjawab semua bahagian.

Sila tanda (/) pada ruang yang disediakan.

BAHAGIAN A: MAKLUMAT RESPONDEN	
1. NAMA:	
2. UMUR:	18 TAHUN KE BAWAH 19-23 24-28 29-33 34-38 39 TAHUN KE ATAS
3. JANTINA:	LELAKI PEREMPUAN
4. STATUS:	BERKAHWIN BELUM BERKAHWIN
	LAIN-LAIN: _____
5. PEKERJAAN:	KERAJAAN: BADAN BERKANUN: SWASTA: BEKERJA SENDIRI: TIDAK BEKERJA: PELAJAR:

BAHAGIAN B: SEJARAH DAN KEISTIMEWAAN MASJID KAMPUNG TUAN.	
1. Adakah anda mengenali Masjid Kampung Tuan?	Jawapan:
2. Adakah anda mengetahui serba sedikit berkenaan dengan sejarah Masjid Kampung Tuan? sekiranya ‘Ya’, sila nyatakan serba sedikit sejarah tersebut.	Jawapan:
3. Apakah perbezaan Masjid Kampung Tuan dengan masjid-masjid lain?	Jawapan:
4. Apakah keistimewaan Masjid Kampung Tuan yang anda tahu?	Jawapan:
5. Apakah keunikan seni bina yang terdapat pada Masjid Kampung Tuan?	Jawapan:
6. Adakah ciri seni bina Masjid Kampung Tuan mengalami perubahan dari masa ke masa?	Jawapan:
7. Adakah anda tahu bahawa Masjid Kampung Tuan merupakan salah satu bangunan warisan Terengganu?	Jawapan:
8. Apakah fungsi masjid ini selain digunakan sebagai tempat menunaikan ibadah?	Jawapan:
9. Adakah keistimewaan dan sejarah yang terdapat pada Masjid Kampung Tuan merupakan faktor utama masjid ini diiktiraf sebagai bangunan warisan? Sila nyatakan sebab anda.	Jawapan:
10. Bagaimanakah cara untuk mengekalkan keistimewaan yang terdapat pada Masjid Kampung Tuan ini?	Jawapan:

BAHAGIAN C: TAHAP PERKEMBANGAN INDUSTRI PELANCONGAN TERHADAP KERJA PEMULIHARAAN MASJID KAMPUNG TUAN.	
1. Pernahkah anda berkunjung ke Masjid Kampung Tuan? Sekiranya ‘Ya’, nyatakan tujuan kunjungan tersebut.	Jawapan:
2. Adakah anda tahu bahawa Masjid Kampung Tuan sudah dipulihara oleh Jabatan Warisan Negara?	Jawapan:
3. Sebelum masjid ini dipulihara, adakah masjid ini sudah dikenali oleh orang ramai terutamanya penduduk Chukai?	Jawapan:
4. Adakah kerja pemuliharaan yang telah dijalankan memberi banyak perubahan terhadap Masjid Kampung Tuan?	Jawapan:
5. Adakah industri pelancongan berkembang maju setelah Masjid Kampung Tuan dipulihara?	Jawapan:
6. Adakah Masjid Kampung Tuan memainkan peranan yang penting dalam industri pelancongan? Sekiranya ‘Ya’, nyatakan sebab anda.	Jawapan:
7. Adakah kerja pemuliharaan Masjid Kampung Tuan telah membuka mata masyarakat bahawa bangunan warisan memberi kesan yang baik terhadap aktiviti pelancongan?	Jawapan:
8. Apakah yang menjadi tarikan pengunjung terhadap Masjid Kampung Tuan?	Jawapan:
9. Adakah kerja pemuliharaan Masjid Kampung Tuan memberi impak kepada industri pelancongan?	Jawapan:
10. Pendapat anda, bagaimanakah cara untuk memastikan Masjid Kampung Tuan dapat dikenali oleh seluruh masyarakat?	Jawapan:

BAHAGIAN D: IMPAK KERJA KONSERVASI MASJID KAMPUNG TUAN TERHADAP EKONOMI MASYARAKAT SEKITAR.		
1. Adakah kerja pemuliharaan Masjid Kampung Tuan memberi kesan yang baik terhadap ekonomi masyarakat sekitar?	Jawapan:	
2. Sejauh manakah tahap perkembangan ekonomi penduduk setempat selepas kerja pemuliharaan terhadap Masjid Kampung Tuan dijalankan?	Jawapan:	
3. Kerja konservasi Masjid Kampung Tuan memberi kesan kepada ekonomi masyarakat setempat, apakah aktiviti ekonomi yang dijalankan?	Jawapan:	
4. Adakah kegiatan ekonomi dapat dimajukan lagi dengan adanya Masjid Kampung Tuan?	Jawapan:	
5. Adakah fungsi Masjid Kampung Tuan menjadi faktor tarikan ekonomi penduduk setempat?	Jawapan:	
6. Adakah keistimewaan yang terdapat pada Masjid Kampung Tuan memberi kesan kepada ekonomi masyarakat?	Jawapan:	
7. Bagaimanakah keadaan ekonomi masyarakat sekitar sebelum Masjid Kampung Tuan dipulihara oleh Jabatan Warisan Negara?	Jawapan:	
8. Adakah tahap ekonomi masyarakat sekitar mengalami banyak perubahan selepas Masjid Kampung Tuan dipulihara?	Jawapan:	
9. Apakah tindakan yang perlu diambil bagi memastikan Masjid Kampung Tuan ini dapat dikekalkan agar taraf ekonomi masyarakat dapat dimajukan lagi?	Jawapan:	
10. Pendapat anda, apakah cara untuk meningkatkan taraf ekonomi masyarakat melalui Masjid Kampung Tuan?	Jawapan:	



Rujukan Kajian Lepas Fungsi dan Peranan Masjid.

UNIVERSITI
—
MALAYSIA
—
KELANTAN



Rujukan Kajian Lepas Fungsi dan Peranan Masjid.

UNIVERSITI
—
MALAYSIA
—
KELANTAN



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan
Faculty of Creative Technology and Heritage

UMK.A02.600-4/7/4 JILID 2 67)

RUJU. KAMI (Our Ref.) : 13 APRIL 2021
TARIKH (Date) :

Masjid Kampung Tuan
Kampung Gong Limau, Chukai
24000 Kemaman
Terengganu

Tuan/Puan,

MEMOHON KEBENARAN UNTUK PELAJAR UMK MENJALANKAN KAJIAN / PENYELIDIKAN / TEMURAMAH

Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa senarai nama di bawah adalah merupakan pelajar dari Fakulti Teknologi Kreatif Dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan yang akan menjalankan kajian/ penyelidikan/ temuramah di organisasi tuan/ puan. Tujuan menjalankan kajian/ penyelidikan/ temuramah ini adalah bagi memenuhi keperluan kursus Projek Penyelidikan I (CFT 3124). Nama pelajar adalah seperti butiran berikut:

Bil.	Nama Pelajar	No Matrik	No. Kad Pengenalan	Program
1	Nurul Thasa Nurain Bt Izra	C18A0371	981018115166	Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan Dengan Kepujian

3. Sukacita sekiranya pelajar ini mendapat kerjasama daripada tuan/puan.

Kerjasama tuan/puan dalam hal ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

"RAJA BERDAULAT, RAKYAT MUAFAKAT, NEGERI BERKAT"
"PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang mengetahui amanah,

PROF. MADYA TS. DR. KHAIRUL AZHAR BIN MAT DAUD
Timbalan Dekan (Akademik dan Pembangunan Pelajar)

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

جامعة ماليزيا كلنتن

Kampus Bachok
Beg Berkunci (Locked Bag) No. 01,
16300 Bachok, KELANTAN, MALAYSIA

Tel : 609 779 7260
Fax : 609 779 7262

KELANTAN